



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin [Ruangan 797]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 797]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 797]

USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 [Ruangan 813]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T. J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P., (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 10hb Ogos, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin.

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

YUNIT RUKUN TETANGGA

1. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil supaya Yunit-yunit Rukun Tetangga yang ditubuhkan di bandar-bandar besar tidak dipengaruhi oleh agen-agen Kominis memandangkan bahawa agen-agen Kominis sekarang banyak terdapat di bandar terdapat di bandar-bandar besar juga.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan rancangan

agen-agen kominis untuk mempengaruhi Yunit-yunit Rukun Tetangga khususnya di kawasan-kawasan bandar. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghalang rancangan kominis itu. Bagaimanapun saya tidak dapat menyatakan langkah-langkah yang telah diambil itu kepada Ahli Yang Berhormat atas sebab-sebab keselamatan. Memadailah saya nyatakan bahawa semua Jawatankuasa Sektor Rukun Tetangga sentiasa diberi ingatan berjaga-jaga dan berwaspada supaya organisasi Rukun Tetangga tidak dapat dipengaruhi anasir-anasir kominis.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih apa yang telah diberi jawapan itu, tetapi adakah pihak yang berkenaan sedar begitu bebas keadaan yang dijalankan dengan cara sukarela di dalam menjalankan Rukun Tetangga ini, tidakkah dapat kita memasukkan bersama-sama di dalamnya salah seorang anggota polis supaya keadaan yang tidak diingini tidak akan berlaku.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam jawapan saya tadi bahawa kita sekarang sedar dan telah mengambil langkah-langkah, tetapi apa langkah-langkah yang kita telah ambil saya tidak boleh sebutkan kepada Ahli Yang Berhormat oleh sebab keselamatan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah organisasi Rukun Tetangga yang telah kita tubuhkan itu dibolehkan seseorang anggotanya itu tidak berjaga menggantikan dengan orang lain?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu semalam Yang Berhormat

Menteri telah mengatakan pertubuhan-pertubuhan yang macam ini juga boleh diresapi oleh fahaman atau agen-agen kominis. Dengan sebab itu menjadi ahli Rukun Tetangga, ini tidak rahsia dan boleh diberitahu sekarang, adakah atau tidak orang-orang yang masuk itu telah discreen, ditengok dan ditapis bahawa orang-orang ini betul-betul mahu menjaga ataupun oleh sebab dikerah dia pergi oleh kerana kalau tidak pergi akan dihukum. Orang-orang ini akan menyebarkan fitnah, bukan membaikkan tetapi menjahanamkan lagi negeri kita. Adakah dibuat begitu.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga di tiap-tiap tempat adalah discreen dan selain dari itu saya tidak boleh beri butir-butir lanjut.

JAWATANKUASA PENYELARASAN PENYERTAAN BUMIPUTRA

2. **Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) bilangan Negeri-negeri, setakat ini, yang belum menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Penyeretaan Bumiputra dalam lapangan perindustrian dan perusahaan. Sila sebutkan nama negeri-negeri yang berkenaan dan samada anggota-anggota jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil dari Dewan Perniagaan; dan

(b) mengapa setengah-setengah Negeri belum menubuhkan Jawatankuasa tersebut dan samada sebarang arahan telah disampaikan kepada negeri-negeri itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, mengenai (a) Jawatankuasa Penyelaras Penyeretaan Bumiputra telahpun ditubuhkan di setiap negeri. Negeri-negeri yang di bawah ini adalah mempunyai wakil-wakil daripada Dewan Perniagaan sebagai Ahli di dalam Jawatankuasa Penyelaras. Negeri-negeri itu ialah:

Pulau Pinang.

Kedah.

Johor.

Kelantan.

Trengganu.

Pahang.

Melaka.

Perlis; dan

Sabah.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi tujuan utama Kerajaan supaya Dewan-dewan Perniagaan diwakili di semua jawatankuasa-jawatankuasa Penyelaras Penyeretaan Bumiputra di Peringkat Negeri.

Mengenai (b) seperti yang telah saya katakan tadi, semua negeri telahpun menubuhkan Jawatankuasa berkenaan.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyatakan di sini jawapan itu tidak betul, kerana saya datang dari Trengganu dan di Trengganu belum lagi menubuhkan Jawatankuasa itu, yang ada tidaklah kena dengan apa yang saya soalkan Yang ditubuhkan di Trengganu sekarang ialah Jawatankuasa Penyelaras Peniaga-peniaga Kecil. Yang saya tanya Jawatankuasa Penyelaras Penyeretaan Bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Jadi yang ada di Trengganu sekarang ini hanya semata-mata menumpukan cara mana hendak tempatkan kereta tolak, dan cara mana Lembaga Bandaran supaya boleh bagi lesen. Itu sahaja, tak ada kenamengena dengan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya?

Datuk Mansor bin Mohamed: Soalannya jawapan itu saya minta supaya diubah menjadi tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, soalan tambahan sahaja boleh.

Datuk Mansor bin Mohamed: Soalan tambahannya kenapa beliau jawab tak betul? (*Ketawa*)

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada pada Kementerian ini ada satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penyelaras Peniaga Bumiputra Trengganu yang ditubuhkan pada 30hb September, 1974 di Pengerusikan oleh Datuk Menteri Besar sendiri dan Setiausahanya ialah Pegawai

Kemajuan Negeri dan Ahli-ahli Jawatankuasanya terdiri daripada Yang Berhormat Encik Wan Adnan, EXCO Kanan Negeri, Datuk Wira Jaya Setiausaha Kerajaan, Encik Abd. Aziz Ibrahim, Pengurus Besar S.E.D.C., Yang Berhormat Datuk Mansor Mohamed wakil Dewan Perniagaan Melayu (*Ketawa*) dan semua Pegawai-pegawai Daerah daripada enam buah daerah di Trengganu. Jadi inilah maklumat yang ada pada Kementerian ini, dan kalau disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa maklumat ini salah, saya pun tak tahu maklumat mana yang betul, tetapi inilah dia kenyataan yang ada.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, saya ada mewakili Dewan Perniagaan Melayu dalam Jawatankuasa Penyelarasan Perniagaan Kecil dan saya telahpun dipanggil bermesyuarat, tetapi Jawatankuasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya tak pernah tahu-menahu pun, tak ada makluman dan tak pernah dipanggil mesyuarat. Itu sebab saya katakan tak ada.

KERJA DI TEMPAT SAMA— KELAMIN PEGAWAI KERAJAAN

3. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada dasar Kerajaan membenarkan sekelamin pegawai Kerajaan bekerja di tempat sama atau beralih ke tempat sama supaya keluarga itu tidak diasingkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bertujuan memisahkan sesuatu keluarga iaitu si suami atau si isteri seberapa yang boleh berasaskan kepada kepentingan perkhidmatan. Ada kalanya pemisahan di antara si suami dengan si isteri tidak dapat dielakkan oleh kerana kepentingan perkhidmatan, iaitu bergantung kepada jenis tugas dan keperluan mengadakan disiplin di sesebuah Jabatan Kerajaan seperti Ahli Yang Berhormat mungkin termaklum, seseorang pegawai Kerajaan adalah menerima syarat-syarat perkhidmatannya seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan apabila beliau mula dilantik ke perkhidmatan Kerajaan. Di antara syarat yang dikenakan bagi seseorang

pegawai Kerajaan ialah termasuk syarat seseorang pegawai itu boleh ditukarkan di mana-mana tempat di negara ini berasaskan kepada keperluan perkhidmatan.

PASUKAN POLIS HUTAN DI BETONG

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah tugas perisik telah dijalankan demi keselamatan negeri ini terutama sekali setelah Pasukan Polis Hutan kita diundur dari Betong baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini menyentuh perkara risikan, maka izinkan saya tidak menjawabnya.

ROMPAKAN BERSENJATA DI JALAN AIR HITAM, JOHOR

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa rompakan bersenjata jalanraya terhadap pelancung-pelancung luar negeri di jalan Air Hitam/Segamat makin menjadi-jadi sekarang dan dengan kejadian ini telah menakutkan pelancung-pelancung luar negeri untuk melancung ke tanah air kita selain daripada memburukkan nama baik negara kita; dan
- (b) apakah tindakan yang tegas diambil oleh pihak polis untuk mencegah kejadian seperti ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, siasatan Polis yang berjalan membuktikan bahawa empat kumpulan yang bertanggungjawab dalam kejadian rompak-merompak menggunakan senjata di lebuh raya yang tersebut iaitu antara Segamat/Ayer Hitam, Johor Bahru. Kumpulan pertama, tiga daripada mereka telah ditangkap pada penghujung tahun 1974 dan sekarang ini berada dalam penjara menunggu dibicarakan di Mahkamah Tinggi, seorang daripadanya telahpun dihukum tiga tahun penjara—daripada yang berempat tadi.

Kumpulan kedua iaitu kita siasat bergerak pada tahun 1975, mereka ini telah ditangkap pada bulan Januari, 1976. Kumpulan ini

pada 5hb Januari, 1976 telah merompak harta dan wang seorang saudagar serta sebuah kereta Mercedes dan mereka juga bertanggungjawab merompak wang gaji dan beberapa siri rompakan lain di lebuhraya. Tiga orang daripada gang ini telah pun ditangkap.

Kumpulan ketiga pula yang bertanggungjawab atas kes rompakan bersenjata dan merogol seorang anak gadis pada 24hb April, 1976 telah juga dapat ditangkap. Mereka itu bertiga dan sekarang berada dalam penjara di Johor Bahru menunggu perbicaraan juga. Tinggal satu lagi kumpulan yang keempat yang akhir-akhir ini bertanggungjawab melakukan beberapa rompakan jalanraya dan masa ini sedang diawasi dan sedang diburu. Pada 4hb Julai, 1976 berikutan dari "Kota Tinggi Repot No. 1296", Pihak polis telah dapat menangkap lima orang daripada mereka pada hari kejadian itu juga, hanya satu gang sahaja yang tinggal lagi, tetapi insya-Allah gang itu dapat kita kenal semuanya, nama-namanya sudah dikenali hanya sekarang kita mencari dan menunggu masa untuk dicekup. Jadi, demi untuk mencegah kejadian seperti itu bermacam-macam cara lagi kita ikhtiarkan untuk menjaga keselamatan di lebuhraya Johor di Segamat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam kumpulan keempat atau gang yang terakhir, adakah Kementerian ini sedar bahawa Ketua gang itu berasal dari Kuala Lumpur, sekarang berada di Segamat, pernah mereka bermesyuarat di Rest House, di Coffee-House dan juga bercampur-gaul dengan anggota Polis. Dengan keadaan ini dapatkah pihak Kementerian ini menjalankan penyelidikan atas perkara yang saya katakan tadi?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah satu soalan, tetapi kalau ada information yang begini rupa saya ucapkan terima kasih, saya akan sampaikan kepada C.P.O. Johor.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Saya hendak tanya Menteri yang berkenaan, baru sebentar tadi beliau berkata orang-orang yang mengambil bahagian dalam geng yang empat sudah dikenali, cuma menunggu masa sahaja hendak cekup. Bolehkah Menteri berkenaan

menggunakan undang-undang yang tidak payah menunggu masa, boleh dicekup sekarang juga kerana bila sudah kenal orang itu dapat kita tangkap dia di bawah undang-undang Keselamatan dalam Negeri supaya disimpan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalnya soal kenal sahaja bukan dia menyerah diri. Kita kenal dan tahu tetapi di mana dia ada kita tidak tahu, inilah kita sedang cari.

ACUPUNCTURE MENGUBATI PENAGIH DADAH

6. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau menganggap penggunaan "acupuncture" mendapat tempat dalam amalan perubatan moden kita untuk mengubati penagih dadah, dan jika ya, samada beliau akan menimbang menghantarkan serombongan doktor-doktor Malaysia kita ke Republik Rakyat China, Taiwan atau Hongkong untuk menjalani latihan teknik dalam penggunaan "acupuncture" bagi mengubati penagih dadah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Biro Narkotik akan mengkaji samada "acupuncture" boleh digunakan untuk mengubati penagih-penagih dadah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa negara telahpun melaporkan sedikit sebanyak kejayaan dalam penggunaan "acupuncture".

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali dalam Dewan ini juga setahun yang lalu saya telah bertanya hal ini; saya telah diketawakan, sebab Kementerian yang bertanggungjawab tidak tahu langsung perkara ini boleh mengubati penyakit dadah. Itu setahun yang lalu sehingga hari ini. Kalau untuk kebaikan tidak payahlah melibatkan Biro Narkotik. Beberapa buah negeri yang telah maju seperti China, Jepun dan negeri-negeri barat telahpun menggunakannya. Apa guna kita hendak menyiasat lebih lanjut lagi. Jadi, soalan saya bolehkan atau tidak disiasat hal ini. Red-tape yang begini panjang dipendekkan supaya dapat dijalankan perkara ini dengan seberapa segera yang boleh.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana menghadapi penyakit salahguna dadah ini dipertanggungjawabkan kepada tiga badan ini, maka terpaksa tiga badan ini menyatu-padukan dan mencari jalan untuk mengatasinya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal menyatu-padukan ketiga-tiga badan. Kalau hendak membaiki penyakit ini bukan tiga badan ini, tetapi doktor yang bertanggungjawab mengubati penyakit dadah. Badan-badan ini hanya bertanggungjawab macam mana hendak menangkap orang dan sebagainya. Soalnya hendak digunakan dengan tidak payah lagi barangkali berunding dengan jabatan-jabatan yang tidak bertanggungjawab dengan hal ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, secepat mungkin kita akan mengadakan.

Datuk Mansor bin Muhamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak tanya sedikit benda ini, nampaknya perkara ini bodoh sangat, tetapi saya rasa terpaksa saya bertanya "acupuncture" ini perkara baru. Saya rasa kalau tidak salah, saya dengar perkataan acupuncture ini timbul ialah masa mula-mula terbukanya peluang pergi melawat ke Negeri China iaitu ke Canton Trade Fair. Sebelum itu orang tidak tahu. Oleh kerana sampai sekarang pun orang kita tidak tahu, jadi bolehkah atau tidak digunakan Bahasa Kebangsaan apa dia "acupuncture" ini sebab "acupuncture" ini kalau orang baca, apa bendanya, tidak tahu. Saya minta penjelasan apa dia, bagaimana caranya perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak notiskah?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu ia gunakan jarum yang kecil-kecil. Di cucuk di lubang-lubang bulu roma. Tetapi untuk menamakan dalam Bahasa Malaysia saya terpaksa referkan kepada ahli bahasa.

FILEM-FILEM TAMIL DI T.V.

7. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) sebab-sebab kerap kali berlakunya gangguan di T.V. sewaktu filem-filem

Tamil ditayangkan seperti menyiarkan lain-lain rancangan tambahan;

(b) samada beliau sedar bahawa akibat dari gangguan-gangguan ini para penonton mendapati susah hendak memahami ceritanya; dan

(c) jika ya, samada filem-filem Tamil dapat ditayangkan di T.V. tanpa sebarang gangguan.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a) Tayangan filem Tamil terpaksa mengganggu kerana menyiarkan berita bahasa Tamil pada pukul 6.30 petang, berita bahasa Mandarin pada pukul 7.30 malam dan berita Bahasa Malaysia pada pukul 8.30 malam.

(b) Gangguan siaran berita ini adalah perlu demi kepentingan negara dan Kementerian ini berpendapat bahawa walaupun dengan gangguan-gangguan yang tidak dapat dielakkan ini, para penonton masih dapat memahami cerita-cerita tersebut. Oleh kerana jangka masa filem-filem Tamil lebih panjang iaitu antara 2½ jam hingga 3½ jam apabila dibandingkan dengan jangka masa 1½ jam filem-filem biasa, maka tidaklah dapat filem-filem tersebut ditayangkan di T.V. tanpa sebarang gangguan.

(c) Walau bagaimanapun, peminat-peminat filem Tamil dapat menonton filem-filem Tamil dan Hindi dua kali sebulan tanpa gangguan iaitu pada hari-hari Ahad di antara pukul 4.00 petang hingga 6.30 petang.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Soalan tambahan. Dalam hubungan ini saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan tidakkah ada filem-filem Tamil yang pendek supaya jangan mengganggu siaran. (*Ketawa*)

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya filem Tamil ini panjang (*Ketawa*). Jadi, kita akan kaji sekiranya kita dapat pendekkan filem-filem itu—kalau ada yang pendek.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh setelah selesai rancangan-rancangan berita baharu ditunjukkan gambar itu?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana jawapan saya pada awal tadi oleh kerana program-program yang diatur itu sudah ditentukan dan filem ini panjang, maka terpaksa melintasi berita-berita seperti yang saya sebutkan.

PENGAWIT TEMBAKAU

8. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) memandangkan kepada sungutan-sungutan dari pengawit-pengawit tembakau di negara ini baru-baru ini berkenaan dengan perhubungan perniagaan yang merosot antara mereka dengan berbagai-bagai syarikat pembelian tembakau tempatan dan Lembaga Tembakau Negara dalam aspek-aspek perniagaan yang tertentu yang tidak beberapa memuaskan, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah-masalah ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menentukan masa hadapan yang lebih baik bagi perusahaan tembakau negara ini dan untuk melindungi perusahaan ini dari ancaman untuk dimusnahkan atau dilemahkan oleh sebarang pihak; dan
- (c) jumlah tukaran luar yang dapat diselamatkan semenjak tertubuhnya perusahaan ini di negara ini sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya sedar bahawa adanya sungutan-sungutan dari pengawit-pengawit tembakau di negara ini baru-baru ini. Sungutan-sungutan itu adalah berpunca dari penolakan beberapa bungkusan tembakau pengawit-pengawit oleh syarikat-syarikat pengilang rokok. Penolakan itu adalah disebabkan oleh adanya pertikaian dalam penentuan gred tembakau yang hendak dijual oleh pengawit-pengawit. Masalah penolakan beberapa bungkusan tembakau itu boleh ditasi jika tidak ada pertikaian

itu. Oleh yang demikian, Kementerian saya telah mengadakan cara baharu di mana kedua-dua pihak syarikat pengawit dan syarikat-syarikat pengilang rokok dikehendakki mematuhi penentuan gred yang dibuat secara muktamad oleh Lembaga Tembakau Negara di pusat pemasaran yang disediakan oleh Lembaga itu.

Kedua-dua pihak syarikat pengawit dan syarikat pengilang rokok itu telah pun bersetuju dengan cara baharu tersebut.

- (b) Untuk menentukan masa hadapan yang lebih baik bagi perusahaan tembakau itu di negara ini, Lembaga Tembakau Negara akan memperhentikan kegiatan-kegiatan khidmat nasihat serta perkhidmatan lanjutan dengan tujuan untuk meninggikan mutu tembakau yang dikeluarkan.

Lembaga telah dan akan terus memberi nasihat dan pengawasi amalan-amalan penanaman yang betul dan penggunaan serta kualiti input. Lembaga juga telah dan akan terus bekerjasama dengan lain-lain pertubuhan dalam kegiatan-kegiatan penyelidikan untuk meninggikan kualiti daun tembakau. Kesetabilan perusahaan tembakau di negara ini adalah juga bergantung kepada permintaan pengilang-pengilang rokok terhadap tembakau itu sendiri.

Kementerian saya sentiasa mengawasi perkembangan perusahaan tembakau dan mulai tahun 1977 jumlah yang akan dibeli oleh pihak pengilang-pengilang akan ditentukan oleh Lembaga Tembakau Negara. Syarikat-syarikat pengilang rokok telah menerima dan bersetuju dengan asas keperluan menambah penggunaan tembakau tempatan itu beransur-ansur dari tahun kesetahun bergantung kepada perkembangan gred-gred tembakau tempatan yang sesuai. Pada masa sekarang saya tidak sedar adanya apa-apa ancaman dari sebarang pihak untuk memusnahkan atau melemahkan perusahaan tembakau negara ini.

- (c) Jumlah tukaran luar yang dapat diselamatkan semenjak tertubuhnya perusahaan ini pada tahun 1960 hingga 1975 ialah kira-kira \$264.6 juta.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyatakan banyak bungkus-bungkus tembakau yang telah ditolak oleh syarikat pengilang rokok. Jadi, saya hendak tahu dapatkah kementerian ini memberi jaminan segala bungkus-bungkus yang ditolak itu supaya dapat dibeli balik oleh pengawit-pengawit kita di tanahair ini.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Sebagaimana saya telah berkata, pegawai-pegawai Lembaga Tembakau Negara telah mendapat kuasa menentukan gred-gred bungkus tembakau itu. Kalau pengawit-pengawit hendak menjual bungkus tembakau itu kepada syarikat-syarikat rokok mereka boleh meminta hal itu kepada syarikat rokok.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak ada satu langkah membaiki mutu tembakau dalam negeri ini dan juga membaiki taraf penanam-penanam tembakau kita. Bolehkah Kementerian ini dapat kerjasama daripada Kementerian Pertanian supaya dapat disesuaikan keadaan tanah, mutu tembakau dan juga berbagai-bagai nasihat yang patut diberikan oleh Kementerian Pertanian, dan tidak sebagaimana keadaan sekarang, Kementerian Pertanian hanya berpeluk tubuh sahaja dalam masalah urusan ini.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu berhubung dengan perkara penyelidikan tembakau, penyelidikan tembakau bukan di bawah Kementerian saya, tetapi di bawah Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang membuat kajian lanjut dengan Kementerian Pertanian untuk mengkaji masalah itu.

PERJANJIAN SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

9. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) tindakan-tindakan yang sewajarnya yang diambil oleh Kerajaan Malaysia berikutan dengan keputusan Kerajaan Thai mengusir keluar pasukan keselamatan kita dari negaranya baru-baru ini;

(b) memandangkan bahawa telah terdapat khabar angin yang mengatakan bahawa perjanjian sempadan antara Malaysia/Thai yang ada sekarang akan dikaji semula, diperbaharui dan dikuatkan mengikut keadaan, perkara ini sehingga sekarang.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya ingin menegaskan bahawa penempatan sementara Pasukan Polis Hutan di Betong itu ialah dalam rangka menjalankan gerakan bersama di bawah Perjanjian Sempadan antara Malaysia dan Thailand. Tugas mereka yang terpenting ialah untuk memberikan keyakinan kepada penduduk-penduduk kawasan Betong/Kroh bahawa keadaan keselamatan tetap terpelihara.

Apabila pasukan Polis Hutan itu diundurkan, seperti yang diminta oleh pihak Thailand, Kerajaan kita telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi memelihara keamanan dan ketenteraman di kawasan Kroh/Betong itu. Tindakan-tindakan itu ialah tindakan-tindakan awam dan tentera yang sesuai dengan keadaan yang berlaku. Saya tidak dapat menjelaskan perincian dari tindakan-tindakan tersebut kerana hal-hal itu adalah dalam tindakan operasi. Bagaimanapun, saya yakin bahawa tindakan-tindakan itu adalah untuk menjamin keselamatan awam di daerah sempadan yang terlibat dan hasilnya adalah memuaskan.

Selain daripada itu, dan tidak juga kurang pentingnya, ialah usaha Kementerian saya sendiri untuk memelihara pengertian dan kerjasama di antara negeri Thailand dengan Malaysia. Usaha ini diambil kerana kita tidak ingin melihat pegganas-pegganas kominis merenggangkan persahabatan di antara kedua buah negara untuk menjayakan usaha-usaha kerjasama ASEAN.

(b) Berhubung dengan Perjanjian Sempadan antara Malaysia dan Thailand, memang benar kedua-dua negara sedang berunding untuk menggubal

satu perjanjian yang baru. Perkara ini diberi perhatian utama oleh kedua belah pihak.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Thailand telah bertemu secara tidak resmi di Pulau Pinang, dan mereka telah membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kerjasama sempadan dengan panjang-lebar bersama-sama dengan Menteri-menteri dan pegawai-pegawai yang bersangkutan. Kedua belah pihak telah bersetuju untuk "mengupgradakan" Perjanjian yang ada sekarang supaya kerjasama untuk menentang pengganas komunis itu dapat dijalankan secara yang lebih berkesan. Persetujuan di atas sikap dan "approach" yang sama terhadap masalah itu adalah perkara yang penting yang telah dicapai di dalam pertemuan di Pulau Pinang itu. Keputusan-keputusan dari perbincangan tersebut sedang dikaji oleh pegawai-pegawai kita. Saya berharap cadangan-cadangan pihak Malaysia atas perkara-perkara tersebut akan dapat kita majukan kepada pihak Thai dalam waktu yang singkat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Polis Hutan kita yang ditempatkan di Betong telah dikeluarkan tetapi adakah kita telah berunding dengan Kerajaan Thai berkenaan dengan right of hot pursuit. Kita di kawasan Betong boleh menyeberang kawasannya sejauh tiga batu dan dia juga boleh mengejar musuh ke dalam negeri kita sejauh tiga batu. Adakah kita berunding dan mendapat jaminan atau persetujuan di atas perkara ini?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, soal right of hot pursuit di dalam perjanjian baharu itu adalah satu perkara yang belum lagi kita bincangkan dengan halusnyanya dan perkara ini apabila sampai masanya mungkin kita dapat kemukakan. Saya harap perkara ini mungkin dapat diketahui selepas kita mengkaji dengan sehalus-halusnyanya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Bila mana pasukan Polis Hutan kita telah berundur daripada Betong, tidak-

kah ini bermakna bahawa perjanjian keselamatan sempadan antara kita dengan Thailand telah terjejas dengan dimansuhkan dan dengan itu pada masa sekarang keadaan keselamatan dalam negeri kita ini terdedah dengan sebab saya anggap bahawa perjanjian itu telah dimansuhkan.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, penempatan pasukan Polis Hutan kita adalah di bawah perjanjian Operasi Sempadan. Jadi, apa yang dikatakan itu adakah pandangan itu seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu kita akan mengambil tindakan apabila kita bersetuju iaitu di atas kehendak pasukan Polis Hutan ini dikeluarkan dan sebaliknya tindakan-tindakan patutlah diambil oleh pihak berkuasa Malaysia supaya keamanan dan ketenteraman yang terdapat di Kroh ataupun di Betong itu dapat dipelihara supaya keselamatan negara kita tidak akan menjadi buruk dengan pengunduran Polis Hutan kita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Waktu pasukan kita hendak diundurkan, adakah Kerajaan Thailand memberitahu Kerajaan kita bahawa tindakan ini mereka akan buat?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua kalau mereka hendak keluaran Polis Hutan kita tentulah mereka beritahu kita.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, musuh Kerajaan Thailand ialah kominis dan musuh kita pun ialah kominis, dia benci kominis dan kita pun benci kominis. Jadi, betulkah atau tidak di Betong ejen-ejen kominis sudah merasukkan hati perut orang-orang di sana menyuruh mereka mengadakan tunjuk perasaan dan sebagainya. Oleh itu, orang-orang Betong sahaja yang tidak berkehendakkan Polis Hutan kita berada di sana oleh kerana kalau ada maka tak kembanglah pengganas-pengganas kominis di sana. Saya telah membaca mengenai perkara ini dalam satu majallah.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu kedudukannya sedikit iaitu berlakunya demonstrasi di Betong boleh dikatakan dengan nama "Protectors of Thai

Sovereignty.” Jadi, apa-apa pandangan yang telah dibuat itu, saya rasa daripada kedudukan yang terdapat di sana mungkin demonstrasi ini boleh dipanggil inspired demonstration.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Keadaan politik di negeri Thai sebagaimana kita semua sedia maklum bukan begitu stabil

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu tidak boleh disebut. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 3.10 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.28 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

3.28 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di hadapan sidang Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan usul di atas nama saya yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini *menyedari* kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; *bersetuju* dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976/1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh.

I. PENDAHULUAN

Tuan Yang di-Pertua, dalam kata-kata pendahuluan untuk Rancangan Malaysia Ketiga, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Rancangan bagi tempoh 1976-1980 itu, adalah suatu rancangan yang bercita-cita tinggi, yang pernah dilaksanakan di negara kita ini. Ini sesungguhnya benar memandangkan betapa besarnya tugas yang akan dilaksanakan itu demi untuk mempercepatkan pembangunan dan menjamin keamanan serta kestabilan negara.

Dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita telah memasuki peringkat kedua dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Seperti yang kita semua ketahui, pencapaian matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sangatlah penting untuk perpaduan di kalangan penduduk kita yang berbilang kaum. Ia juga penting dari segi mencapai tujuan integrasi di kalangan Negeri-negeri dan Wilayah-wilayah di negara ini.

Kita telahpun membentangkan dengan jelas azam kita untuk mencapai matlamat-matlamat utama ini dalam jangka masa satu jenerasi. Kita juga telah menegaskan hasrat kita untuk mencapai matlamat-matlamat ini dalam konteks sebuah ekonomi yang berkembang pesat supaya dalam proses menyediakan peluang-peluang yang semakin bertambah kepada golongan-golongan miskin dan yang kurang bernasib baik, mereka yang lebih bernasib baik tidak terhalang dalam usaha juga memperbaiki lagi kedudukan mereka.

Saiz dan bidang Rancangan Malaysia Ketiga, adalah lebih besar dari Rancangan Malaysia Kedua, yang mana ini menunjukkan azam kita untuk memenuhi jasa dan tanggungjawab-tanggungjawab kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu ditekankan lagi bahawa satu syarat penting yang akan menentukan kejayaan kita dalam mencapai pembangunan sosio-ekonomi, ialah

kejayaan kita menghapuskan ancaman-ancaman pengganas-pengganas kominis. Kejayaan menghapuskan keganasan kominis menjadi begitu penting kerana pembangunan tidak ada makna jika rakyat hidup dalam ketakutan dan terancam keselamatan mereka. Sebab itu sungguhpun peruntukan yang besar disediakan untuk pembangunan, sebahagian daripadanya ialah untuk urusan keselamatan, dan yang lebih penting lagi ialah kesanggupan rakyat mengorbankan kepentingan pembangunan untuk menjayakan pertahanan.

II. PROSPEK EKONOMI UNTUK PEMBANGUNAN

Perlaksanaan kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru, serta usaha-usaha mengekalkan keselamatan negara, yang merupakan tiga teras Rancangan Malaysia Ketiga, memerlukan sumber-sumber yang banyak. Tetapi kita yakin, bahawa kita akan dapat mengadakan perbelanjaan-perbelanjaan yang terlibat berdasarkan kekuatan ekonomi kita dan juga keadaan ekonomi dunia yang semakin teguh.

Faktor yang terpenting dalam kemajuan ekonomi kita ialah eksport. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat keadaan dalam tahun 1975, di mana kemelesetan ekonomi dunia dan jatuhnya permintaan untuk bahan-bahan eksport utama kita, terutamanya getah, telah menyebabkan ekonomi negara merosot dan seterusnya menjejaskan pendapatan rakyat khususnya di luar bandar.

Kita bersyukur, kerana pada hari ini keadaannya berlainan. Dengan pulihnya keadaan ekonomi di negara-negara maju, harga getah telah meningkat dengan pesatnya. Tanda-tanda menunjukkan bahawa kita boleh mengharap harga getah menjadi lebih memuaskan dari keadaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Jumlah eksport kita juga akan meningkat dengan banyaknya hasil dari pelaburan yang telah dilaksanakan dalam sektor pertanian dan perindustrian. Keadaan ekonomi kita mungkin menjadi lebih baik dengan perkembangan dalam industri minyak dan gas dalam jangka masa rancangan ini.

Berdasarkan prospek-prospek ini dan juga keupayaan ekonomi kita yang sedang berkembang, adalah diramalkan bahawa dibawah Rancangan Malaysia Ketiga, ekonomi Malaysia akan berkembang dengan kadar 8.5% setahun dari segi sebenar atau "in real terms". Di dalam Rancangan

Malaysia Kedua, kita telah mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7.4% setahun, manakala dalam tahun-tahun enam puluhan pula, kadar puratanya ialah sebanyak 6%. Ini bermakna sekarang kita sedang memasuki satu zaman di mana prospek pertumbuhan ekonomi adalah lebih cerah dari tahun-tahun yang lepas.

III. PROGRAM-PROGRAM DAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

Prospek-prospek ekonomi yang cerah ini adalah merupakan punca galakan bagi kita dalam memulakan Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan pertumbuhan yang pesat, pendapatan dan gunatenaga akan bertambah dengan tingkat yang harus dapat mengurangkan kadar pengangguran dan kadar kemiskinan di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar di negara ini. Begitu juga, kita harus dapat mencapai kemajuan yang lebih pesat lagi dalam usaha-usaha pembangunan kita untuk perimbangan kaum dan wilayah. Berdasarkan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi menentukan supaya faedah-faedah pembangunan akan dapat dikecapi oleh lebih ramai lagi penduduk kita, maka matlamat-matlamat kita ialah:

- menyediakan sebanyak 743,000 peluang pekerjaan baru dan dari itu mengurangkan kadar pengangguran dari 7% dalam tahun 1975 kepada kira-kira 6% dalam tahun 1980;
- mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan-kawasan luarbandar dari 54% dalam tahun 1975 kepada 43% menjelang tahun 1980 dan di kawasan kawasan bandar dari 19% kepada 16%;
- mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat dengan menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain di dalam sektor-sektor ekonomi yang moden supaya menjelang tahun 1980, mereka akan dapat memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% dari sektor perindustrian dan perdagangan negara, dalam semua peringkat dan bidang kegiatannya;
- menggalakkan, pada masa yang sama, penyertaan rakyat Malaysia yang lain ke dalam sektor-sektor di mana bilangan mereka sekarang sangat kecil, dan akhirnya

— memajukan pembangunan sosial dan ekonomi di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Bagi menentukan tercapainya matlamat ini, sektor awam akan melaksanakan program-program yang bernilai \$186 ribu juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga berbanding dengan \$9.8 ribu juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Lebih dari 38% dari perbelanjaan ini akan disalurkan untuk program-program dan projek-projek bagi mengurangkan kemiskinan. Kira-kira 19% akan disalurkan untuk program-program yang bertujuan mengimbangkan kedudukan ekonomi di kalangan kaum-kaum dan wilayah-wilayah di negara ini. Adalah nyata bahawa bagi mencapai kesan sepenuhnya, program-program ini mestilah ditumpukan ke negeri-negeri dan juga kumpulan-kumpulan yang didapati paling ramai golongan miskin.

Oleh yang demikian, di kawasan-kawasan luar bandar, perhatian utama akan diberi kepada pekebun-pekebun kecil getah, penanam-penanam padi, nelayan, pekebun kelapa, pekerja-pekerja ladang, penduduk kampung-kampung baru dan buruh-buruh pertanian. Kumpulan-kumpulan ini merupakan sebahagian besar dari golongan miskin di kawasan-kawasan luar bandar dan di negara seluruhnya. Dalam usaha-usaha yang akan kita laksanakan, tekanan akan diberi kepada keperluan pembangunan secara integrated. Tujuannya ialah untuk memperbaiki daya pengeluaran dan mengurangkan guna tenaga tidak penuh yang wujud di kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada seperti dalam Projek Pembangunan Luar bandar di Kelantan, yang dianggarkan dapat memberi faedah kepada kira-kira seramai 108,000 keluarga di daerah-daerah sebelah utara Negeri Kelantan. Program-program yang akan menelan sebahagian besar dari perbelanjaan yang terlibat termasuklah pembangunan tanah baru, penanaman secara blok dan tanaman semula getah, penyediaan kemudahan-kemudahan parit dan taliair serta pemulihan semula dan penyatuan kawasan-kawasan tanah yang sedia ada. Dalam pemilihan peneroka-peneroka ke sekim-sekim tanah baru Kerajaan, tumpuan akan diberi kepada golongan miskin. Dari itu, keutamaan akan diberi kepada bakal peneroka-peneroka dari kumpulan miskin

yang telah ditentukan termasuk penduduk-penduduk kampung-kampung baru, pekerja-pekerja ladang dan buruh-buruh pertanian mengikut giliran.

Sambil kita bertindak bagi menghapuskan kemiskinan di luar bandar, Rancangan Malaysia Ketiga juga mengandungi program bagi mengatasi masalah-masalah kemiskinan di dalam bandar. Sifat utama polisi Kerajaan dalam hal ini ialah meluaskan lagi bidang dan jenis peluang-peluang pekerjaan bagi golongan miskin di bandar. Ini termasuklah usaha menggalakkan perusahaan-perusahaan yang menggunakan banyak buruh dan perusahaan-perusahaan kecil. Bagi mengatasi masalah-masalah khusus yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil pula, satu peruntukan permulaan sebanyak \$30 juta telah disediakan. Sambil itu, perhatian khas juga akan diberi kepada menyediakan kemudahan-kemudahan sosial yang asas kepada golongan miskin di bandar. Oleh yang demikian, tekanan utama akan diberi kepada kemajuan perumahan, sanitation dan pengangkutan awam.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, tujuan kita bukanlah untuk memperbaiki keadaan ekonomi golongan miskin sahaja. Tujuan yang sama pentingnya ialah meninggikan taraf hidup mereka. Semua program-program dan projek-projek kita yang bertujuan untuk menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan memperbaiki daya pengeluaran golongan miskin, akan dilaksanakan seiring dengan langkah-langkah yang dirangka untuk membolehkan mereka menikmati kemudahan-kemudahan sosial yang asas antara lain termasuk pelajaran, kesihatan, perumahan, bekalan elektrik dan air paip serta perancangan keluarga. Kemudahan-kemudahan ini ada kaitan yang rapat dengan pembasmian kemiskinan kerana beban perbelanjaan golongan miskin dapat dikurangkan secara langsung melalui kemudahan ini. Juga kemudahan ini terbahagi dengan cara yang lebih samarata kepada semua pihak.

Bagi mencapai tujuan ini, program-program pelajaran Rancangan Malaysia Ketiga telahpun membuat peruntukan untuk:

—Membina kira-kira 8,400 bilik-bilik darjah bagi memperbaiki pelajaran

rendah terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan di negeri-negeri yang kurang maju;

- mengganti dan memperbaiki sebanyak 181 sekolah-sekolah menengah dan pembinaan sebanyak 79 buah lagi; dan
- menubuhkan tujuh buah sekolah-sekolah sains berasrama penuh. Dalam bidang kesihatan, program-program utama termasuk:
 - memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan luar bandar menerusi pembinaan 15 buah pusat-pusat kesihatan baru dan 17 buah klinik desa; menaikkan taraf 52 buah pusat-pusat kesihatan kecil dan 14 klinik-klinik bidan di Semenanjung Malaysia;
 - 30 pusat-pusat kesihatan kecil kampung dan 12 buah dispensari luar bandar akan dibina di Sabah dan 6 buah pusat kesihatan dan 14 buah pusat kesihatan masyarakat dibina di Sarawak.

Program untuk perumahan yang dirancang untuk memberi faedah kepada golongan miskin termasuk pembinaan 122,200 unit-unit rumah murah dan 57,300 unit-unit bangunan perniagaan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Bekalan letrik luar bandar telah diberi peruntukan sebanyak \$175 juta, sementara perbelanjaan \$100 juta untuk bekalan air luar bandar pula akan memberi faedah kepada seramai 300,000 orang. Dengan program-program ini, keadaan hidup golongan miskin akan bertambah baik dan peluang-peluang pergerakan sosial bagi anak-anak mereka juga bertambah mudah.

Tuan Yang di-Pertua, ini hanyalah sebahagian dari program-program dan projek-projek yang ditumpukan secara langsung kepada golongan-golongan miskin di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Selain daripada program-program bagi menentukan supaya golongan miskin mendapat peluang secukupnya untuk menyertai bersama dan mendapat faedah dari perkembangan ekonomi. Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha memberi persamaan peluang ekonomi kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini. Tidaklah perlu ditegaskan lagi bahawa strategi-strategi kita dalam hal ini dan dasar

dan program yang dilaksanakan akan menentukan tidak ada satu kumpulan pun akan mengalami kerugian atau merasa hak mereka diketepikan. Dengan berkembangnya sektor moden dalam ekonomi negara dan bertambahnya bilangan tenaga mahir dari kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain yang akan keluar dari institusi-institusi pelajaran dan latihan kita, kita akan terus berjaya dalam menggalakkan penyertaan aktif mereka dalam bidang-bidang perlombongan, perindustrian, pembinaan dan perkhidmatan-perkhidmatan bandar. Kerajaan yakin dengan sumber-sumber yang diberi kepada MARA, UDA, PERNAS dan PKEN-PKEN, SEDC keupayaan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain untuk memiliki dan menguasai sektor moden ekonomi akan dapat dipertingkatkan lagi. Satu langkah penting dalam usaha kita untuk menyusun semula pemilikan harta kekayaan negara ialah penubuhan Tabung Pelaburan Bumiputra dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200 juta. Ini akan membolehkan Tabung itu membeli saham modal dalam perusahaan-perusahaan yang menguntungkan yang telah dikhaskan untuk orang-orang Melayu dan Bumiputra lain dan kemudiannya dijual kepada mereka apabila keupayaan kewangan mereka untuk membeli saham-saham tersebut sudah meningkat.

Sambil penyertaan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra lain dalam sektor-sektor ekonomi moden meningkat, Kerajaan akan mengadakan peluang-peluang untuk rakyat Malaysia yang lain menyertai dengan lebih aktif lagi dalam sektor-sektor di mana bilangan mereka masih kurang. Bagi mencapai tujuan ini, usaha-usaha akan dibuat bagi menempatkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia yang lain ke sekim-sekim pembangunan Kerajaan. Penyertaan mereka ke dalam sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan awam, akan juga digalakkan. Dalam pada itu apa yang harus diingat ialah usaha untuk menolong bumiputra juga memberi munafaat yang besar kepada rakyat lain, yang mana ini membuktikan bahawa dalam pembangunan negara Kerajaan memang bersikap adil.

Dalam merangka Rancangan Malaysia Ketiga, perhatian khas telah diberi kepada keperluan negeri-negeri yang kurang maju di negara ini. Sangatlah nyata sekali bahawa jurang perbezaan di antara negeri-negeri ini

dengan negeri-negeri yang lebih maju adalah luas. Perbezaan-perbezaan ini wujud bukan sahaja dari segi pendapatan yang tidak seimbang tetapi juga dari segi pembahagian kemudahan-kemudahan dan keperluan-keperluan asas ekonomi moden yang tidak setimpal. Adalah penting supaya negeri-negeri yang kurang maju itu mendapat hak-hak mereka dari faedah-faedah kemajuan pembangunan.

Kaedah menentukan peruntukan-peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah dibuat sebegitu rupa untuk menentukan supaya peruntukan perbelanjaan pembangunan di antara negeri-negeri akan dapat memperbaiki perbezaan-perbezaan yang telah sekian lama wujud. Program-program yang menyediakan infrastruktur sosial khususnya, akan menentukan supaya aghen perkhidmatan-perkhidmatan tersebut mencerminkan keperluan semasa negeri-negeri yang kurang maju. Seterusnya, sebaran industri-industri, pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baru (new growth centres) dan penempatan bangunan-bangunan kerajaan, akan juga mencerminkan keperluan mempercepatkan lagi tingkat pembangunan di negeri-negeri kurang maju tersebut. Dalam pada itu, Kerajaan juga sedar wujudnya kawasan yang kurang maju dalam negeri-negeri yang telah maju itu sendiri. Kawasan-kawasan ini juga akan mendapat perhatian Kerajaan.

IV. PEMBIAYAAN PEMBANGUNAN

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan untuk membiayai program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah ditentukan berdasarkan analisa yang rapi terhadap prospek-prospek kewangan dan ekonomi kita. Analisa ini menunjukkan bahawa sumber-sumber dalam negeri akan dapat dengan secukupnya membiayai sebahagian besar dari pelaburan-pelaburan awam dan swasta. Dilihat daripada apa segi sekalipun, kedudukan ini mestilah dianggap baik dan sihat. Dalam perhitungan ekonomi negara pembiayaan pembangunan dari sumber dalam negeri membebaskan negara dari pengaruh asing ke atas ekonominya.

Kerajaan boleh menambahkan lagi sumber-sumber dalam negeri menerusi cukai yang lebih tinggi atau menerusi pembiayaan berbentuk inflasi. Tetapi perbuatan ini akan

menjejas galakan untuk melabur dan secara relatif akan merendahkan taraf hidup penduduk negara ini. Jelaslah pada kita bahawa kesan-kesan buruk seperti ini tidak dikehendaki dan akan hanya menghalang matlamat-matlamat Rancangan ini untuk memesatkan lagi penambahan guna tenaga dan pendapatan sebenar dalam konteks kestabilan kewangan dan fiskal. Bagi menghindarkan kesan-kesan ini, dari jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak 18.6 ribu juta, cuma 5.8 ribu juta sahaja akan diperolehi dari sumber luar negeri. Sebahagian besar dari jumlah ini akan diperolehi daripada institusi-institusi seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia dan juga melalui peraturan-peraturan dua hala dengan negara-negara luar.

Bagi Malaysia, jumlah pinjaman luar negeri yang dijangkakan itu tidaklah menjadi masaalah kerana asas ekonomi kita adalah baik dan cerah. Kadar hutang negara kita juga masih kecil, seperti ternyata dalam tahun 1975 di mana beban perkhidmatan hutang luar negeri kita hanyalah 4% sahaja. Sungguhpun ini akan meningkat menjadi 7% menjelang tahun 1980, beban hutang luar negeri Malaysia masih merupakan yang paling rendah di kalangan negara-negara sedang membangun dalam peringkat pembangunan yang sama.

Satu faktor penting yang membolehkan Kerajaan meminjam dari luar negeri ialah pengurusan kewangan yang baik. Kita mestilah terus mengekalkan keadaan ini dengan mengawal perbelanjaan-perbelanjaan kita dan dengan itu juga mengekalkan keyakinan pelabur-pelabur samada dari luar atau dalam negeri, terhadap kemampuan meminjam negara kita. Oleh kerana ini adalah penting dalam pembiayaan Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan memberi tekanan utama bagi memperbaiki lagi mutu pengurusan kewangannya di semua peringkat dalam sektor awam.

V. PERANAN SEKTOR SWASTA

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta akan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Sumber-sumber yang akan dihasilkan dalam ekonomi adalah mencukupi bagi membiayai matalamat-matlamat yang telah ditetapkan untuk sektor swasta. Walau bagaimanapun, pertimbangan asas yang

penting ialah mengekalkan suasana pelaburan yang menggalakkan—satu suasana yang membawa kepada penggunaan sumber-sumber tersebut dengan sepenuhnya dan cekap bagi pembangunan sumber-sumber asli dan tenaga manusia kita yang kaya di negara ini.

Dalam ucapannya kepada Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjelaskan dasar-dasar yang akan kita laksanakan bagi mengekal dan memperluaskan galakan-galakan asas yang perlu bagi penyertaan aktif sektor swasta dalam proses pembangunan negara. Untuk memastikan supaya peringkat tinggi juga memberi perhatian secara berterusan kepada keperluan-keperluan sektor swasta dan masalah-masalah yang terpaksa dihadapi oleh mereka dari semasa ke semasa, satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh saya sendiri telahpun ditubuhkan. Jawatankuasa ini mengandungi:

Menteri Kewangan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Menteri Perhubungan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan.

Menteri Perusahaan Awam.

Adalah menjadi tujuan anggota Jawatankuasa ini untuk:

- (i) Menggalakkan dan mengekalkan suasana pelaburan yang baik di negara ini bagi pencapaian matlamat-matlamat pelaburan swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980;
- (ii) Mengkaji semula dasar-dasar dan program-program yang ada sekarang berhubung dengan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan industri dan pertanian di kedua-dua peringkat Persekutuan dan juga Negeri, dengan tujuan menyelaraskan kegiatan mereka ke dalam program-program yang disatukan bagi mempercepatkan pembangunan;
- (iii) Menentukan keutamaan-keutamaan bagi pembangunan sektor swasta serta merumus, memadu, menilai dan mengulang-kaji di mana-mana perlu, semua

garis-garis panduan dasar dan dorongan-dorongan bagi pencapaian dengan berkesan matlamat-matlamat pelaburan;

- (iv) Memperkemaskan jentera dan atur-cara-aturcara yang ada sekarang berhubung dengan permohonan-permohonan pelaburan dari sektor swasta dan lain-lain perkara mengenai kecukupan perkhidmatan mereka di samping menyelesaikan masalah-masalah tafsiran dasar yang dihadapi oleh sektor swasta dalam usaha-usaha pelaburan mereka;
- (v) Melihat dan mengarahkan pelaksanaan semua dasar dan keputusan Kerajaan mengenai pelaburan swasta di semua peringkat.

VI. PERLAKSANAAN

Tuan Yang di-Pertua, tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang telah dibentang merupakan satu cabaran yang besar terhadap keupayaan pelaksanaan. Pihak Kerajaan menyedari sepenuhnya perkara ini dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melicinkan jentera pelaksanaan supaya rancangan-rancangan, program-program dan projek-projek yang berfaedah tidak tergendala kerana kelemahan dari segi pelaksanaan.

Penyelarasan jentera-jentera pentadbiran bagi perancangan dan pelaksanaan, di peringkat Persekutuan dan Negeri, akan terus mendapat perhatian penuh dari Kerajaan. Di masa yang sama, kita akan mempergiat pengambilan, penggunaan dan latihan kakitangan-kakitangan mahir yang diperlukan untuk perancangan, pelaksanaan, pengawasan dan penilaian semua program dan projek-projek.

Kerajaan sedar hakikat bahawa mutu usaha-usaha kita bergantung sebahagian besarnya kepada dedikasi dan kejujuran pegawai-pegawai dan ahli-ahli politik. Sambil menyelaraskan jentera pembangunan kita juga akan terus memberi perhatian kepada keperluan menjamin ujudnya sistem pentadbiran yang kemas.

Dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan bukan sahaja berminat kepada pembinaan dan penyiapan projek-projek fizikal. Kerajaan juga akan mengambil berat soal penyampaian faedah-faedah

dari projek-projek ini kepada golongan-golongan yang sebenarnya ditujukan. Satu sistem pengawasan yang akan dapat memenuhi keperluan ini dengan sepenuhnya akan diusahakan sebagai satu objektif terutama di dalam usaha-usaha kita bagi memperbaiki jentera perancangan dan pelaksanaan Kerajaan.

Kerajaan sering menyatakan bahawa di dalam usaha-usahanya untuk mempercepatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, peruntukan kewangan yang cukup akan disediakan bagi agensi-agensinya pelaksanaan dan perbadanan-perbadanan awam yang berkenaan. Bagaimanapun perlulah disedari bahawa dengan jumlah peruntukan awam yang sebegitu besar, kecekapan pengurusan dan pelaksanaan serta tanggungjawab, terhadap wang yang dibelanjakan adalah penting. Untuk menjamin taraf yang tinggi dalam hak ini sistem tanggungjawab kewangan akan dikuatkuasakan. Di samping itu, amalan audit pengurusan ke atas kegiatan-kegiatan perbadanan-perbadanan awam akan dilaksanakan.

VII. KESIMPULAN

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga, kita memasuki peringkat kedua di dalam usaha memenuhi harapan dan cita-cita rakyat bagi mencapai erti sebuah negara yang progresif, berdikari dan bersatupadu di mana semua rakyat mendapat peluang mencapai hasrat masing-masing. Kerajaan sedar betapa beratnya tanggungjawab ini. Rancangan Malaysia Ketiga membuktikan kejujuran tujuan kita. Rancangan ini bukan hanya merupakan satu pengakuan bertulis untuk sesuatu tujuan. Ia merupakan satu blue print yang realistik bagi pembangunan. Ianya diasaskan kepada prinsip-prinsip yang telah terbukti yang telah menempatkan negara ini di barisan hadapan dalam usaha pembangunan di rantau dunia sebelah sini. Ianya diasaskan kepada pemeriksaan lengkap terhadap keupayaan dan number yang dimiliki oleh negara ini dan yang akan dimilikinya, di beberapa tahun akan datang. Ia mengandungi matlamat-matlamat yang telah dirangka setelah memberi pertimbangan kepada masalah-masalah masyarakat berbilang kaum dan kezaman kita untuk mengatasinya. Semua ini merupakan matlamat-matlamat yang dicita-citakan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*).

4.04 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Ketiga. Sukacitalah saya memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya menghasilkan satu rancangan yang dynamic dan boleh diselenggara, Rancangan yang datang pada saat-saat yang memerlukannya untuk menabur semangat supaya bersatu, bergerak maju, menentang anasir-anasir anti-nasional dengan menggunakan senjata-senjata yang sama yang mereka dapat menggunakan bagi melawan kita, iaitu kemiskinan, yang mana jika dibasmikan akan menjamin survival kita sebagai sebuah negara yang merdeka berasaskan sistem demokrasi berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini seperti yang ada di hadapan kita ialah peringkat yang kedua dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dihasilkan daripada pandangan dan pemikiran creative Perdana Menteri kita yang dikasihi Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

Rancangan Malaysia Ketiga ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan mendapat sokongan sepenuhnya dan saya yakin rancangan ini pasti diterima oleh Dewan Negara yang mulia ini, kerana rancangan ini adalah satu rancangan yang berani, imaginative, berpandangan jauh dan satu usaha yang luar biasa untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa yang bersatupadu, kukuh, adil dan progresif dan di bawah pimpinan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, seorang negarawan yang dedikasi dan mempunyai azam dan tekad yang kuat dibantu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet, kita percaya dan yakin rancangan ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Senator dari Kelantan, saya tentulah bersukacita melihat bahawa Kerajaan memberi perhatian yang berat untuk melipatganda serta mempercepatkan kemajuan Negeri

Kelantan dan juga Perlis, Kedah, Trengganu Melaka. Sabah dan Sarawak sejajar dengan cita-cita Kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara negeri-negeri yang berlainan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kelantan telah diperuntukkan \$1,018 juta dan daripada 1976 hingga 1980, adalah dijangka ia akan menunjukkan kadar pertumbuhan yang cepat. Keluaran negara kasar per kapita 8% setahun berbanding dengan 54%. Dengan lain perkataan, keluaran negara kasar per kapita akan bertambah daripada \$589 dalam tahun 1975 kepada \$1,878 dalam tahun 1980. Kelantan adalah terkenal sebagai sebuah negeri yang menikmati keharmonian di antara kaum dan sebagai negeri yang mempunyai rakyat jelatannya yang rajin berusaha. Dengan adanya penerimaan pandangan yang progresif oleh Kerajaan Kelantan dan menerima satu dasar tanah yang lebih liberal, Negeri Kelantan akan dapat mencapai sasaran-sasaran yang diuraikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata: "adalah menjadi tujuan penting Kerajaan saya untuk menentukan bahawa matlamat-matlamat yang telah kita tetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga merupakan dasar-dasar, program-program dan projek-projek yang jelas dan akan dilaksanakan dari peringkat rakyat sendiri."

Kemajuan rancangan-rancangan tidak harus diukur dari segi bagaimana ianya ditulis tetapi sejauh mana ianya dapat dilaksanakan. Kita haruslah berwaspada terhadap tafsiran dan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi-streteji yang bercanggah yang boleh membawa kepada penyelewengan usaha-usaha kita daripada asas-asas utama Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara. Dalam melancarkan dan mentafsirkan dasar-dasar dan strategi-strateji Jabatan Perkhidmatan Awam memainkan peranan yang sungguh mustahak dan Perkhidmatan Awamlah yang patut kita megahkan kerana dengan adanya nama baik pegawai-pegawai awam kita maka kita sekarang dapat menikmati kestabilan dan kemewahan dan membolehkan Kerajaan mengemukakan satu rancangan yang bercita-cita tinggi seperti yang ada di hadapan kita pada petang ini. Dengan keyakinan yang penuh bahawa ia pasti akan dilaksanakan dengan jayanya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada pada hari

ini setengah-setengah pegawai awam yang mentafsirkan serta melaksanakan dasar-dasar Kerajaan terkeluar daripada garisan yang sebenarnya dan budi bahasa dan sopan santunnya tidak memuaskan dan kurang bijak sehingga melukakan perasaan seseorang. Pada saat dan waktu negara kita menghadapi ancaman keselamatan daripada anasir-anasir anti-nasional dan tatkala Perdana Menteri kita menyatakan bahawa peperangan ini terhadap musuh-musuh negara sebagai peperangan rakyat. Adalah mustahak bahawa perasaan dan sokongan rakyat jelata tercurah kepada kita adalah penting sekali jika demokrasi dan kebebasan yang kita hargai benar-benar dan yang dipertahankan oleh pasukan keselamatan kita dengan jiwa raga mereka, hendak diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga memperuntukkan pembinaan 220,800 unit rumah oleh awam yang mana di antaranya 58.5% untuk orang miskin. Rancangan ini juga memperuntukkan bagi pembinaan 262,000 unit rumah oleh sektor perebet. Nampaknya unit-unit rumah yang dibina oleh sektor swasta itu akhirnya pergi kepada golongan berpendapatan menengah dan jika demikian silalah Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimana rendahkah kos yang dikatakan kos rendah itu. Rancangan Malaysia Ketiga mengakui (bahawa 70% dari penduduk bandar keluarga yang menerima gaji kurang daripada \$400 sebulan sahaja) tidak mampu membeli atau menyewa kebanyakan unit-unit rumah yang dibina sekarang yang dikelaskan sebagai kos rendah. Saya berharap Kementerian berkenaan dapat meneliti perkara ini dan oleh sebab \$2.5 billion akan diperuntukkan bagi perumahan, saya berharap Kementerian berkenaan akan mengambil perhatian supaya kebanyakan unit rumah itu dapat dimiliki atau disewa oleh orang-orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga satu juta ekar tanah akan dibuka untuk peneroka-peneroka. Dalam tempoh lima tahun yang lalu tidak berapa orang bukan bumiputra mengambil kesempatan terhadap sekim-sekim penempatan tanah Kerajaan. Dalam tempoh R.M.T. salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah untuk menggalakkan penerimaan dan penyertaan orang-orang Malaysia yang bukan bumiputra dalam sektor-sektor yang

kurang diwakili sekarang khasnya dalam pertanian moden dan sektor perkhidmatan. Kementerian berkenaan patutlah menggalakkan dengan lebih berkesan supaya lebih ramai lagi orang-orang seumpama ini mengambil bahagian dalam sekim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 48 Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1976 yang telah diluluskan semalam telah menjadikan pencegahan dan pemadam api termasuk Perkhidmatan Bomba sebagai satu perkara Persekutuan dalam Malaysia Barat. Dengan langkah-langkah keselamatan dari kebakaran (fire precaution) dalam pembinaan dan penyelenggaraan bangunan sebagai perkara di bawah tanggungjawab Federal. Ini adalah langkah-langkah yang wajar kerana bahaya kebakaran memakan belanja berjuta-juta ringgit setahun termasuk kehilangan jawatan, kehilangan mata pencarian, perniagaan dan berbagai lagi kerugian. Kerajaan patutlah mengambil perhatian supaya semua Perkhidmatan Bomba dalam Malaysia Barat diletakkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan seberapa segera yang boleh di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Saya suka bercakap sedikit berkenaan Rukun Tetangga. Setengah-setengah kawasan Rukun Tetangga adalah dalam keadaan serba kekurangan kerana tidak mempunyai wang. Orang ramai dapat membuat sumbangan hanya setakat yang terhad sahaja, kecuali sesuatu dibuat rancangan ini tidak akan berjalan dengan sempurna. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya membuat kajian selanjutnya terhadap sekim yang ada sekarang dan membuat sesuatu untuk memperbaikinya, tidak syak lagi sekim ini adalah berfaedah untuk mengurangkan jenayah dan mencegah anasir anti-nasional dalam bandar kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang bakal warganegara yang telah memohon kewarganegaraan yang lulus dalam ujian bahasa, tetapi apabila kertas dihantar ke Kuala Lumpur, orang-orang yang berkenaan terpaksa menunggu berbulan-bulan dan kadang-kadang selama setahun untuk mereka mendapatkan kewarganegaraan. Jika kelambatan itu disebabkan kekurangan kakitangan, saya berharap Kerajaan akan mengatasi keadaan ini dalam tempoh R.M.T. Adalah mustahak bagi seseorang khasnya

jika ia seorang muda untuk mendapatkan kewarganegaraan segera untuk memasuki sekolah atau mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut arahan Surat Pekeliling Kerajaan kepada Jabatan Kerajaan seluruh Malaysia beberapa tahun yang lepas hendaklah menerima anggota bekas perajurit yang meminta pekerjaan mengikut had umur 45 tahun, tetapi daripada tuduhan yang saya dapati dari anggota bekas perajurit baru-baru ini adalah Jabatan Kerajaan apabila temuduga pekerjaan, bekas perajurit telah ditolak dengan alasan umurnya lebih. Sebenarnya, umur bekas perajurit yang berkenaan itu adalah 42 tahun sahaja. Saya berharap Kerajaan akan menyiasat tuduhan ini dan lebih banyak pekerjaan patut diuntukkan kepada anggota bekas perajurit dalam R.M.T., dan had umur patutlah dilonggarkan sedikit oleh kerana ketika mereka bersara, pencek yang didapati mungkin tidak mencukupi untuk kehidupannya dan umur mereka pun memang kurang berkelayakan untuk pekerjaan tertentu. Apa yang patut ditimbulkan oleh pegawai yang berkenaan itu ialah perkhidmatan mereka kepada negara kita yang sebenarnya harus diberi pertimbangan utama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa R.M.T. ini adalah rancangan rakyat jelata, maka ini seharusnya menjadi cabaran kepada rakyat, cabaran untuk menentang peperangan tiga serampang; peperangan membasmi kemiskinan, peperangan untuk menyusun semula masyarakat kita dan peperangan untuk mempertahankan kita dan sistem demokrasi kita. Mungkin ada kecaman-kecaman tetapi janganlah sekali-kali ada penyelewengan daripada tugas dan tanggungjawab kita. Mungkin juga ada aduan-aduan tetapi janganlah sekali hendaknya ada kebantutan dalam kelajuan mencapai kemajuan kita. Hendaklah kita meletakkan sesuatu itu pada asas yang sebenarnya dan tumpukan kepentingan kita terhadap cita-cita yang luas bagi kebaikan kebangsaan dan bukan kepentingan satu-satu golongan sahaja. Marilah kita tinjau ke arah keluar daripada sempadan kebangsaan kita dan bandingkan apa yang kita menikmati dengan apa yang dipunyai oleh jiran-jiran kita, dan marilah kita sedar bahawa apa yang kita

miliki itu besar nilainya dan mesti dipertahankan. Dan akhirnya marilah kita berganding bahu, setiap insan lelaki dan perempuan, tua dan muda, miskin dan kaya untuk mempertahankan negara ini dan menjauhkan daripada pertentangan kaum, huru-hara dan anarchy. Rancangan Malaysia Ketiga pasti maju dan janganlah menemui kegagalan demi untuk membentuk satu negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong usul Rancangan Malaysia Ketiga yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita supaya diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengemukakan usul ini untuk dibahaskan, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada had tempoh diuntukkan untuk perbahasan. Lima hari telah diuntukkan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat berucap atas usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Ketiga dan satu hari bagi Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab. Memandangkan kepada masa yang telah diuntukkan itu dan mengikut pengalaman yang telah lalu adalah dicadangkan supaya masa yang ada itu dibahagikan dengan berpatutan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membuat ucapan yang seberapa ringkas tetapi padat. Walau bagaimanapun, cubalah menghadkan ucapan kepada lebih kurang 20 minit seorang. Saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam hal ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan masaalah yang ada di hadapan Majlis kita sekarang adalah terbuka untuk perbahasan.

4.25 ptg.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah satu rancangan yang terang, jelas dan berani. Ia seronok dibaca dan mudah difahamkan oleh orang-orang biasa. Tujuan atau cita-citanya tinggi dan murni dan lantas tidak gagal

menunjukkan kekurangan. Ia adalah adil kepada semua dengan harapan semua dapat mencapai perimbangan ekonomi yang lebih di kalangan semua kaum dalam negeri ini.

Untuk menjadikan Rancangan Malaysia Ketiga ini lebih berkesan dan bermakna semua sumber-sumber, rancangan dan tenaga kita hendaklah diarahkan kepada pembasmian pengangguran dan kurang pekerja. Berbagai-bagai Yunit Perancangan hendaklah membawa tiap-tiap sektor di bawah lingkungan Rancangan Malaysia Ketiga. Inilah sahaja caranya yang boleh menjadikan tiap-tiap orang menyertai dan menikmati terutamanya orang-orang miskin, daripada implementasi Rancangan ini. Oleh kerana itu, sasaran yang serta-merta ialah pekerjaan yang menguntungkan dalam pertanian perusahaan pertanian iaitu agro-based, perikanan, pemeliharaan ayam itek, pemeliharaan ikan dan lain-lain pekerjaan yang mendatangkan hasil segera.

Kami bersukacita melihat bahawa Rancangan Malaysia Ketiga telah menyertakan pekerja-pekerja estet sebagai satu golongan yang memerlukan kemajuan. Sepuluh juta ringgit Kumpulan Wang Pusingan yang ditubuhkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bagi maksud memiliki rumah oleh kaum pekerja estet hendaklah dipercepatkan rancangannya. Saya menyeru tuan-tuan punya estet supaya bekerjasama dengan cergasnya dengan Kerajaan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan pelajaran dan keadaan hidup pekerja-pekerja estet. Mereka juga patut menunjukkan lebih lagi minat terhadap kemajuan pekerjaan dan pelajaran tinggi pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, buta huruf, kemiskinan, penyakit dan pengangguran adalah masaalah-masaalah kebangsaan. Jika sesuatu kaum itu ditimpa oleh salah satu daripada malapetaka di atas maka malapetaka itu akan menimpa kaum-kaum yang lain. Akhirnya ia akan melibatkan seluruh negara. Daripada gambaran yang luas ini, saya suka hendak menerangkan bahawa pertambahan yang tinggi sekali mengenai pengangguran adalah didapati dalam masyarakat India iaitu daripada 11% kepada 12.2% dalam tempoh 1970-1975. Buku Rancangan Malaysia Ketiga menyatakan dan saya petek:

“Bahawa pekerjaan bagi orang-orang India dalam perniagaan dan sektor-sektor perkhidmatan telah turun lebih cepat

daripada yang di jangka yang mengakibatkan pertambahan pengangguran di kalangan orang-orang India.”

Demikian juga jumlah memiliki saham-saham dalam syarikat berhad oleh orang-orang India adalah yang paling rendah. Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya 65% daripada orang-orang Melayu dalam negeri ini adalah miskin dan ini menjadi peratus kemiskinan yang paling tinggi daripada semua kaum. Pendapatan purata orang-orang Melayu adalah lebih kurang separuh daripada jumlah pendapatan orang-orang China dan India. Ini juga adalah masalah negara yang serious yang patut diperbetulkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan yang kita hadapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini sebagaimana kita alami dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua hanyalah dari segi bilangan pekerja-pekerja mahir, pegawai-pegawai ikhtisas, juru-juru teknik dan pakar-pakar. Kita telah mencapai kejayaan yang besar dalam rancangan latihan kita, tetapi oleh kerana hasil pertumbuhan segala bidang maka kekurangan pekerja-pekerja mahir mesti menjadi satu masalah yang besar. Di mana perlu kita jangan berlengah-lengah mengambil pakar-pakar luar negeri bagi tempoh dan maksud yang tertentu. Janganlah kita terkorban dari segi kemajuan jangka panjang, yang hanya kerana faedah jangka pendek daripada pengambilan pekerja-pekerja tempatan. Hari ini banyak perindustrian-perindustrian dan firma-firma mengalami kekurangan pegawai-pegawai mahir.

Tuan Yang di-Pertua, tiga jenis ancaman yang negara kita hadapi ialah daripada komunis, pegawai-pegawai yang mempunyai sifat acuh tak acuh dan orang-ramai yang mementingkan diri sendiri. Tat kala melancarkan Rancangan Malaysia Kedua, Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak berkata, saya petek:

“Pegawai-pegawai Awam akan dihentikan kerja jika mereka gagal memikul beban atas tanggungjawab mereka dengan cekapnya semasa melaksanakan Rancangan Malaysia Yang Kedua.”

Nasihat yang sama masih berguna. Kemajuan Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada pihak berkuasa yang me-

laksanakannya. Jika tidak, rancangan ini kekal sebagai sebuah buku yang cantik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya jika orang ramai tidak mengambil berat atau menumpukan minat yang sah dan bekerjasama dengan Kerajaan maka janganlah mereka harapkan Rancangan Malaysia Ketiga ini menghasilkan perkara-perkara yang takjub atau mukjizat. Sifat mementingkan diri sendiri serta kurang insaf dan tanggungjawab di kalangan orang-ramai adalah satu sebab utama yang telah mewujudkan kemiskinan, menambahkan kegiatan-kegiatan jenayah dan komunis. Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap orang supaya mementingkan negara ini lebih daripada dirinya sendiri. Cuba kita lihat di sekeliling dunia ini dan pelajari daripada orang-orang yang berdidikasi yang telah membangunkan negara dan lihat pula sebagai bandingan orang-orang yang bongkok dan sombong dan mementingkan diri sendiri yang telah memusnahkan negara mereka. Orang-orang yang berdidikasi bergantung kepada keupayaan diri mereka sendiri dan gotongroyong di antara mereka sendiri. Mereka tidak mengharap kepada Kerajaan semata-mata untuk membuat sesuatu bagi mereka. Tetapi sudah menjadi tabiat kita mengharap Kerajaan menyediakan setiap apa suatu keperluan untuk kita dan kita lantas menuduh Kerajaan jika sesuatu perkara berjalan dengan tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, semua sektor yang besar-besar dari segi pekerjaan menunjukkan pertambahan dalam tempoh 1970 - 1975 tetapi anihnya ada kekurangan pekerjaan yang amat sangat dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan. Jika kita pecahkan kekurangan ini kepada sektor-sektor pecahan maka didapati kekurangan ini lebih berada dalam lapangan pertanian. Ini menunjukkan bagaimana pertanian diabaikan secara beransur-ansur. Penduduk-penduduk bandar bertambah bilangannya, sebaliknya pula kadar perkembangan perusahaan di bandar-bandar sekarang tidak mampu menyerahkan penduduk-penduduk bandar itu. Ini adalah natijah serious dan merbahaya yang berlaku di dalam negara kita. Jika kita tidak mengambil langkah segera untuk mengatasi penghijeraan orang-orang luar bandar ke bandar maka ekonomi pertanian kita akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut juga mengambil langkah untuk mencapai penghasilan pertanian yang lebih besar lagi dengan menubuhkan perusahaan-perusahaan bagi memodenkan pertanian. Tanpa memberikan pekerjaan yang menguntungkan adalah rumit untuk mengekalkan belia-belia tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga inilah stagflasi (inflation) menimpa ekonomi Malaysia. Sebelum sampai ke Rancangan Malaysia Ketiga ini kita dapat mengatasi inflasi setakat yang kita mampu. Ringgit kita sekali lagi telah pulih dan menjadi kukuh bila dikaitkan dengan dollar Singapura dan Amerika. Dengan hal yang demikian, saya hairan mengapa Rancangan Malaysia Ketiga tidak membuat suatu ramalan bagaimana boleh mengurangkan inflasi ke paras tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat kita ada sebilangan besar pegawai-pegawai Tentera dan Polis yang bersara yang telah berbakti kepada nusa dan bangsa dalam tempoh darurat dahulu. Pengalaman mereka menjadi satu lambang kebangsaan yang patut dipergunakan sepenuhnya bagi faedah dan tujuan sekarang ini. Jika khidmat-khidmatnya diindahkan dan seruan-seruannya diambil perhatian saya percaya rekasinya adalah terpermanai.

4.42 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, yang telah membuat Rancangan Malaysia Ketiga dan telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi, maka inilah pandangan-pandangan saya dan saya menyokong rancangan ini. Apa yang saya takutkan janganlah tinggal di dalam Buku Hijau ini sahaja tetapi hendaklah dikotakan.

Yang pertama, what is very important is implementation. Saya minta Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri akan memanggil semua Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di dalam Malaysia ini menerangkan kepada mereka dengan tegas, tujuan-tujuan yang sebenarnya Rancangan Malaysia Ketiga ini kerana tiap-tiap

negeri akan menerima beribu-ribu juta ringgit allotment yang belum pernah mereka terima sebelum hari ini. Kalau tiap-tiap Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri tidak memberi kerjasama, maka Rancangan Malaysia Ketiga ini, akan terbantut dalam negeri-negeri yang tidak memberi kerjasama itu dan kita akan malu.

Yang kedua, Perdana Menteri mesti memanggil semua pegawai-pegawainya yang bekerja dalam Jabatannya sendiri dan terangkan pula rancangan ini dan begitulah seterusnya tiap-tiap Menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri akan menyampaikan pula kepada pegawai-pegawai Kerajaan, yang ada di dalam Kementerian masing-masing. Pendek kata, semua pegawai-pegawai Kerajaan di tiap-tiap Kementerian, di tiap-tiap negeri mestilah faham benar-benar akan Rancangan Malaysia Ketiga ini kerana merekalah yang akan menjalankannya. Rakyat semuanya akan menyokong Kerajaan sahaja. Jikalau pegawai-pegawai Kerajaan, dari serendah-rendah hingga setinggi-tinggi pangkatnya, tidak menjalankan kerja-kerjanya, atau meleceh-lecehkannya atau tidak mengambil berat, saya percaya rancangan ini akan sia-sia sahaja. Kita tahu, Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua ada sabotaj, oleh itu kita tidak dapat 100% kejayaan. Saya berkata begitu, kalau pegawai-pegawai Kerajaan betul-betul menjalankan tugasnya dan tahu tanggungjawabnya kita tidak akan tengok rakyat kita di kampung-kampung, menderita lagi seperti sekarang. Penduduk-penduduk dalam bandar O.K., senang-lenang, tetapi di kampung-kampung masih lagi kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Rakyat masih tidak bersatu padu walhal kita sudah membuat dua kali sambutan Rancangan Malaysia dan ini akan masuk pula kepada rancangan ketiga. Sebab itulah, Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar akan menyampaikan kepada pegawai-pegawainya di tiap-tiap Jabatan supaya mereka semuanya faham. Kita tidak mahu lagi, macam rancangan-rancangan yang lepas tidak 100% berjaya.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan telah diuntukkan sebanyak \$1,490 juta. Saya duduk di dalam Wilayah Persekutuan dan sukalah saya menyampaikan kepada Menteri yang berkenaan (beliau tidak ada di sini), saya minta Menteri itu akan memanggil pula semua

pegawai-pegawai yang bekerja di Wilayah Persekutuan supaya mereka itu menyokong Kerajaan. Semenjak Bandaraya mengambil kuasa, Bandaraya terlampau laju menjalankan tugasnya. Ini elok, tetapi kita tidak mahu menyusahkan rakyat sebab kita akan kalah dalam pilihanraya yang akan datang.

Saya suka memberitahu Dewan ini, bahawa orang-orang yang tinggal di Wilayah Persekutuan, sangat-sangat susah hati sekarang, kerana hendak mencari nafkah dengan berniaga, menjual goreng pisang, air batu, buah tembikai semuanya tidak boleh, mesti ambil lesen dan separuh dari modalnya adalah wang untuk membayar lesen itu. Sepatutnya Dewan Bandaraya, hendaklah menolong rakyat yang susah, bukan semua orang yang tinggal di Bandaraya ini makan gaji. Kalau hendak dirikan tempat tinggal (rumah) hendaklah diambil pelan dahulu, jika tidak, akan dirobohkan, letak kereta salah tempat, kena saman. Saya merayu kepada Kerajaan, tolong beri nafas, kepada orang-orang susah yang tinggal di Wilayah Persekutuan ini. Baru dua tahun, Bandaraya berkuasa, rakyat sudah keluh-kesah sebab saya tahu, sayalah tumpuan rakyat di Wilayah ini, untuk mengadu hal. Tiap-tiap hari orang datang ke rumah saya mengadu rumahnya kena pecah, kedai baru hendak berniaga kena pecah sebab tiada lesen, membuat pagar, membuat porch, membuat car park semuanya salah, lama-kelamaan orang-orang Melayu yang susah, akan lari dari Bandaraya Kuala Lumpur dan kalahlah tujuan the late Tun Abdul Razak hendak membanyakkan orang-orang Melayu di bandar-bandar. Perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di Wilayah Persekutuan bagi orang-orang Melayu tidak akan berpeluang langsung sebab apa yang dibuatnya semua salah kepada pentadbiran Bandaraya. Itulah sebabnya kita tidak puas hati lagi kepada pentadbiran Bandaraya. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan tolong beri penjelasan yang betul-betul kepada pegawai-pegawai yang bertugas dalam Wilayah Persekutuan, termasuk Datuk Bandar sekali. Inilah pandangan saya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Mereka berdua mestilah adakan program-program.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kuala Lumpur ini ada 5 sahaja kawasan Parlimen, iaitu Setapak, Kepong, Kuala Lumpur Bandar, Damansara dan Sungai Besi. Pada masa ini kawasan-kawasan ini tidak teratur dan bercampur-aduk. Di kawasan-kawasan ini penuh dengan rumah-rumah tanpa izin yang memalukan Kerajaan kita apabila pelawat-pelawat datang ke negara kita. Kita sudah merdeka 19 tahun: We are independent since 19 years ago, tidak patut ada rumah haram lagi di bandar kita. Itulah sebabnya Bandar Kuala Lumpur tidak cantik dan tidak bersih. Di bawah ini adalah cadangan-cadangan saya kepada Dewan Bandaraya yang akan menjalankan pentadbiran Wilayah ini.

Yang pertama, rumah-rumah haram yang ada di Kuala Lumpur, hendaklah dihapuskan dengan segera, sebab tempat-tempat inilah, penuh dengan gangsters, anti-nasional, pengedar dadah dan juga penyokong komunis dan digantikan dengan rumah-rumah pangsa empat tingkat dan yang akan mendapat rumah-rumah pangsa ini ialah orang-orang yang benar-benar duduk di rumah-rumah tanpa izin sahaja. Saya tahu Dewan Bandaraya ada membuat banyak rumah-rumah pangsa, tetapi tidak diberikan kepada orang-orang yang duduk di rumah-rumah tanpa izin tetapi dibukakan pula kepada sesiapa juga. Jadi, sampai bila pun, rumah-rumah haram ini tidak akan hapus di Wilayah ini kerana pentadbirannya tidak betul, tidak tahu menjalankan tugas-tugasnya. Saya berharap mulai dari sekarang juga apabila sahaja rumah-rumah pangsa siap beriklanlah kepada orang-orang yang tinggal di rumah-rumah tanpa izin sahaja yang ada di merata-rata Kuala Lumpur hari ini dan jangan buat seperti sekarang segala orang boleh memohon. Saya harap pegawai-pegawai Dewan Bandaraya, yang ada di Dewan ini akan mengambil perhatian akan ucapan saya ini.

Kedua, Dewan Bandaraya hendaklah membuat gerai-gerai yang teratur, gerai-gerai yang moden atau yang lebih cantik untuk orang-orang yang berniaga segala kaum di tempat yang ada sekarang. Pada masa ini orang-orang yang hendak berniaga itu sendiri mendirikan gerai-gerai, jadi tidak senonoh, tidak sama fesyen, ada besar, ada kecil, ada runcing, ada tiga segi dan atapnya pun begitu, bermacam-macam. Ada atap zinc, ada atap kain, ada atap nipah dan ada atap

plastik. Jika Dewan Bandaraya membuatkan gerai-gerai yang cantik, moden dan teratur samada atap zinc, sama besarnya, sama warna atapnya, maka cantiklah bandar kita. Dewan Bandaraya boleh buat tetapi pentadbirannya tidak faham menjalankannya. Kalau kita berjalan di Malacca Street, Petaling Street, Bukit Bintang, Pudu, Jalan Damansara dan Chow Kit Road penuh dengan gerai-gerai tempat orang-orang berniaga tetapi tidak senonoh macam kandang kerbau.

Ketiga, saya minta Dewan Bandaraya meruntuhkan segala kedai-kedai lama yang ada dalam bandar Kuala Lumpur ini diganti dengan kedai-kedai yang moden dan besar-besar supaya bandar kita lebih menarik pada pelawat-pelawat luar negeri dan juga orang negeri ini.

Keempat, tiap-tiap kampung yang ada dalam jagaan Dewan Bandaraya hendaklah dibuatkan jalan-jalan kampung beserta dengan longkang-longkangnya, dewan serbaguna, padang permainan kanak-kanak, lampu-lampu letrik, paip-air, kelinik, pondok talipon, bus stop, tempat-tempat buang najis, jejambat tempat orang ramai dan budak-budak sekolah lalulintas di atas jalanraya kerana pada masa ini kereta sudah terlampau banyak, orang-orang hendak melintas payah dari seberang ke seberang. Buatlah surau-surau, masjid-masjid, rumah-rumah berhala, Pejabat-pejabat Kadzi dan jalan-jalanraya hendaklah ditanam dengan pokok-pokok supaya jalan-jalan ini teduh dan cantik seperti Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir pandangan saya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini saya merayu kepada Kerajaan tiga perkara lagi. Pertama, tiap-tiap kawasan hendaklah penduduk-penduduknya seimbang. Kita tidak mahu satu kawasan penuh dengan satu kaum sahaja seperti Jinjang, Kepong, Ampang dan Jenjarum kerana tujuan kita hendak menyatu-padukan rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini supaya kita ini supaya kita bersatu. Saya harap kepada Kerajaan penduduk-penduduk yang saya sebutkan tadi hendaklah dihantar ke tempat-tempat yang kurang rakyat yang mana kita dapat tahu di Pahang akan membuka 32 bandar besar. Mereka yang tinggal di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi, bolehlah dihantar ke sana. Saya percaya

mereka yang akan kita hantar ke bandar-bandar yang akan dibuat di Pahang itu lebih suka pergi ke sana daripada tinggal congested and dirty di tempatnya yang ada sekarang. Hawa yang baik akan dapat, pencarian yang lebih akan dapat, tempat tinggal yang selesa mereka boleh dapat jika mereka dihantar ke kawasan yang baru ini. Saya berharap ini, kerana mereka ini sendiri berjumpa dengan saya. We have got fed up to stay in these congested areas.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya merayu kepada Kerajaan sekali lagi di kawasan-kawasan negeri yang kurang maju, industri-industri hendaklah diririkan di negeri-negeri seperti Pahang, Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis supaya pemudapemuda dan pemudi-pemudi yang tinggal di negeri-negeri yang saya sebut tadi tidak payah berhijrah ke negeri orang lain dan juga biar semua negeri di dalam Malaysia ini bersama-sama mendapat nikmat kekayaan kita. Kita mahu semua orang kaya di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, the last, saya minta pada Kerajaan selagi Rancangan Malaysia Ketiga ini, tidak habis pada tahun 1980 saya minta Kerajaan, I appeal to the Government, jangan adakan pilihanraya kerana kita mahu tenguk kejayaan dahulu. Apabila sampai tahun 1980 Rancangan Malaysia Ketiga tamat dan mencapai kejayaan 100%, pada tahun 1981 barulah adakan pilihanraya dan serahkan kepada Kerajaan baru samada we rule again, samada Barisan Nasional perentah lagi atau parti-parti lain yang hendak benar memerintah negara ini. Saya cakap begitu, kerana beginilah Kerajaan Barisan—We in the Barisan Nasional bertolak ansur pada segala kaum yang ada di negara ini sehingga orang-orang bumiputra telah terhimpit, tercicir, tetapi masih ada orang-orang yang tidak puas hati pada pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Contohnya, subversive anti-national menjadi-jadi di bandar dan kominis bermaharajalela di hutan-hutan. Polis dan askar-askar tidak dapat rihant siang malam menjaga keamanan negara ini. Penjahat-penjahat ini menjadi subversive, anti-national and communist, tidak sedikitpun belas kesihan pada Polis dan askar-askar, orang saya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Rancangan Malaysia Ketiga ini, marilah kita berdoa pada Tuhan, we pray to

perumahan dan gudang-gudang besar untuk disewa dan termasuk juga pada hari ini, Tabung Haji telah membuka sebuah kilang kelapa sawit di Keratong, Pahang. Dan juga kilangnya untuk memproses kelapa sawit dengan belanjanya dimodali oleh orang yang menyimpan di dalam Tabung Haji. Tidak ada seduit pun datangnya daripada Kerajaan. Mengapa ini boleh berjaya. Sebabnya satu sahaja iaitu Tabung Haji tidak membayar income tax. Jikalau dibayar income tax, angka-angka (figures) yang saya beritahu tadi dipotong kepada income tax, Tabung Haji akan merosot hari ini.

Jadi mengapa kita tidak mencontohi Tabung Haji. Jikalau benar-benar hasrat kita hendak memajukan bumiputra di dalam bidang ekonomi, kita mesti berani, sebab kita baru hendak merangkak, orang lain sudah ada, bangunan sudah ada, kedai kopi, kedai kain sudah ada. Jadi disuruh pula kita masuk buka kedai kopi dan kedai kain di dalam bandar. Di dalam celahmana kita hendak masuk? Apa yang ada dalam buku ini, kita tidak boleh banggakan. Saya dapati banyak teks dikeluarkan kepada bumiputra, banyak mini bas, ejensi-ejensi jual tiket kapalterbang ataupun pelancungan dikeluarkan kepada bumiputra. Siapa hendak beli tiket kapalterbang? Melainkan pegawai Kerajaan dan pak-pak Menteri yang hendak pergi keluar negeri. Bukannya orang kampung. Jadi dalam kumpulan yang sedikit macam ini bumiputra ada 90 buah ejensi-ejensi hendak bergabung. Yang ada hanya seketul nasi. Mini bas yang ada di Kuala Lumpur hari ini pagi-pagi lagi sudah penuh. Sekarang mini bas tidak berjalan mengikut peraturan seperti yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa. Mereka blok tempat-tempat bus station, jadi siapa yang rugi sekarang? Syarikat Pengangkutan Seri Jaya yang modalnya dipunyai oleh bumiputra. Jadi mereka sama mereka sudah clash. Kesudahannya jadi perbalahan. Jadi apa yang kita hendak bangga-banggakan. Saya fikir tidak patut kita banggakan. Saya berharaplah kepada Kerajaan jikalau hendak melaksanakan satu-satu benda, satu-satu projek seperti yang saya cakapkan tadi, umpamanya teks, mini bas atau ejensi-ejensi pelancungan dan ejensi-ejensi menjual tiket kapalterbang, janganlah dibuat secara sambilan sahaja. Nanti akan dikatakan oleh orang Melayu, buat kerja sambilan-sambilan sahaja—jangan seperti dahulu. "Shut up the mouth

of the Malays", you get this. Apa hendak jadi, saya pun jadi pengarah pelancungan yang hari ini mengalami kerugian yang kebanyakannya hutang daripada Kerajaan yang tidak dibayar. (*Ketawa*). Bila hantar summon, dijawab: tidak tahu. Jadi cara macam mana? Rasanya, Tuan Yang di-Pertua juga seorang yang menceburkan diri dalam ejensi ini. (*Ketawa*) Tahulah masing-masing bagaimana kesulitan dan faedah-faedahnya daripada ejensi-ejensi ini. Ini bukanlah cara yang kita hendak megah-megahkan hari ini. Kita mesti berani. Kita mesti ke hadapan apa yang kita buat. Ini diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu golongan yang miskin adalah golongan orang Melayu hari ini. Jadi apa ubatnya? Kita tidak boleh ubatkan dengan gula-gula sahaja. Kita mesti beri ubat yang pahit. Ubat yang pahit itu berani, menghadapi kenyataan ini.

Saya harap dengan hujah saya ini, Kerajaan boleh menimbangkan supaya incentive diberikan kepada bumiputra di atas apa juga perusahaan walaupun kecil atau besar, sebab kita telah juga membuat dan menjalani untuk memberi incentive kepada pemodal-pemodal asing datang ke negeri ini sampai lima tahun, enam tahun. Kita sudah tahu mereka ini kadang-kadang bawa keuntungan balik ke negeri masing-masing, tidak ditanam semula keuntungannya balik dalam negeri kita. Jadi apa salahnya kita beri incentive semacam ini kepada bumiputra. Sebab kita tidak bawa wang itu keluar negeri melainkan kita tanam semula di negeri kita sendiri.

6.00 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan Malaysia Ketiga ini telah disusun begitu rapi dan dibukukan sehingga sukar seseorang itu hendak membacanya. Di dalam buku tersebut memberi ulasan Rancangan Pertama, Rancangan Kedua dan melancarkan pula Rancangan Ketiga. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan kita

tidak akan kehilangan tongkat lagi, kerana sepertimana kata pepatah orang Melayu: kali yang pertama kita terkena, kali yang kedua jalan tahu dan kali yang ketiga ini kita akan terselamat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga ini suara-suara selalu benar didengar untuk bumiputra,—untuk bumiputra sehingga meragu-ragukan rakyat Malaysia yang bukan keturunan bumiputra tetapi saya berpendapat bahawa nikmat-nikmatnya yang kita susun semenjak Rancangan Pertama dan Kedua belum begitu menyeluruh lagi dapat dinikmati oleh bumiputra. Di dalam Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan telah menubuhkan satu badan berkanun UDA yang tujuan besarnya untuk membawa bumiputra ke dalam bandar, tetapi sayang, sesudah tamat Rancangan Malaysia Kedua, saya tidak nampak peniaga-peniaga Melayu dalam bandar Kuala Lumpur khususnya ataupun di bandar-bandar yang lain dalam negara ini yang benar-benar seorang peniaga. Tetapi seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi teksis kalau dikaji daripada apa yang tersurat, semua sudah orang Melayu lebih. Teksis lebih, lori lebih dan mini bas lebih tetapi pada nama sahaja ini disebabkan seperti mana yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi bahawa bumiputra masih lagi kurang pengalaman untuk menceburkan diri di dalam perusahaan dan perniagaan itu. Jadi, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, saya harap Kerajaan tidak memimpin lagi bahkan patutlah pula mendukung benar-benar bumiputra dengan sebenar-benar dukungan.

Dalam perniagaan dan perusahaan ini masalah kewangan adalah masalah yang pertama sekali. Seperti mana yang dinyatakan oleh sahabat saya beribu-ribu saham yang diperuntukkan kepada bumiputra tidak diambil oleh bumiputra. Dengan apa mereka hendak ambil, dengan apa? Rumah murah didirikan hari ini harganya \$7,000 lebih, yang paling murah tidak termasuk harga tanah. Kalau masuk tanah \$10,000 sedangkan pendapatan \$200 sebulan bagaimana hendak dapat rumah tersebut. Perbadanan Kemajuan Negeri, kononnya hendak menolong bumiputra juga buat rancangan rumah, tanahnya Kerajaan memberikan premiumnya yang rendah, tetapi orang bumiputra tidak mampu hendak membelinya. Jangan kata hendak membayar ansuran

bulanan hendak membayar duit muka \$3,000 untuk mendapat rumah itu dahulu tidak mampu, jadi bagaimana? Itulah sebabnya saya katakan tadi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak patutlah lagi Kerajaan membimbing bahkan hendaklah mendukung kalau benar-benar 30% orang Melayu hendak dibawa di dalam bahagian perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga ini nasib kita kurang baik, kerana keselamatan negara kita agak terganggu sedikit. Kita berterima kasih kepada pasukan-pasukan keselamatan kita kerana telah berjaya mempertahankan negara kita ini daripada ditakluki oleh kominis. Dalam pada itu beberapa rancangan Kerajaan telah mengadakan untuk keselamatan ini. Satu daripada rancangan yang Kerajaan meminta orang ramai membantunya terutama sekali di dalam bandar menjalankan Rukun Tetangga. Saya harap Menteri yang berkenaan tolonglah kaji semula cara-cara pelaksanaan Rukun Tetangga ini. Rukun Tetangga ini baik, bagus tetapi pelaksanaannya saya fikir tempang. Apa salahnya kalau benar-benar negara kita ini keadaan keselamatannya serius maka diwartakan (gazette) sahajalah bahawa seluruh negara kita ini dijadikan kawasan Rukun Tetangga, pelaksanaannya terpulunglah kepada kebijaksanaan Majlis Keselamatan Negeri mana satu kampung hendak dilaksanakan. Bukan seperti hari ini disuruh dahulu dengan sukarela, 3 bulan atau 4 bulan kemudian baharu diwartakan. Ahli-ahli Jawatankuasa sektor yang mengelolakan ini hampir-hampir bergaduh dengan mereka yang tahu undang-undang, yang pandai kadang-kadang pegawai Kerajaan yang Division I. Mereka ini engkar hendak mendaftarkan nama manakala diminta oleh Jawatankuasa tersebut. Apabila kita mengadu kepada Pegawai Daerah, jawabnya, pujuklah, rayulah dan gunakanlah kebijaksanaan, tetapi kalau orang marhin atau buruh tidak ada soal jawab lagi. Jadi kalau hendak ambil tindakan kawasan ini belum digezetkan (diwartakan). Berkenaan perkara Rukun Tetangga ini, saya haraplah pihak Kerajaan membuat kajian pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Dahulu saya telah beberapa kali saya bercakap dalam Dewan ini bahawa rancangan yang

kita buat cukup cantik, cukup molek tetapi, ada tetapinya, bila tiba perlaksanaannya, ada rantai-rantai yang rosak, ada lobang-lobang minyak yang bocor dan sekeru yang longgar, dengan itu maka rancangan ini tidak menuju seperti mana yang dirangkakan. Jadi saya harap dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana rancangan ini menjadi ujian kepada Kerajaan Barisan Nasional, yang mana rancangan inilah sahaja barangkali dapat menarik rakyat supaya memberi sokongan yang penuh ataupun mengambil hati rakyat supaya tidak menyebelahi kominis. Seperti mana yang pernah pak-pak Menteri kita mengatakan bahawa melawan anasir kominis ini tidak boleh dengan senjata semata-mata bahkan dengan rancangan-rancangan untuk kebajikan rakyat.

Satu perkara lagi sukaiah saya menyarankan dalam Dewan yang mulia ini supaya tidak timbul iri hati di antara bumiputra dengan bukan bumiputra supaya pihak Kerajaan dapat membimbing atau mendukung dicampurkan di antara bumiputra dengan bukan bumiputra yang ada kebolehannya, dapat ditimbang. Janganlah seperti dahulu, sebagai contohnya diberi hutan kepada orang Melayu yang sebenarnya hutan itu pergi juga kepada orang bukan Melayu, nama sahaja Ali tetapi sudah pergi kepada Baba. Kalau hendak membimbing bumiputra apa salahnya pihak Kerajaan memaksa benar-benar pihak yang ada saw-mill: Aku berikan kepada Ali ini 250 ekar hutan dan engkau—si Ramasamy ataupun Chong Wah yang ada kilang bawa dia bekerja sama-sama. Maka keuntungan itu dapatlah dinikmati sama-sama. Rasa saya boleh jadi saranan saya ini saranan yang bodoh tetapi saya harap juga inilah pendapat saya satu untuk mengelakkan supaya orang-orang yang bukan bumiputra iri hati. Tuan Yang di-Pertua, bukannya di luar bahkan di dalam Dewan ini pernah kita dengar sahabat-sahabat kita bercerita berkenaan tidak puashati di atas perkara bumiputra dan bukan bumiputra. Saya fikir ini satu jalan bagi mengatasi perkara ini.

Satu perkara di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini juga nasib pekebun kecil hendak dibela tetapi sukaiah saya menyatakan di sini, baru-baru ini saya ada menerima satu surat terbang yang tidak ada tandatangan. Surat terbang ini dialamatkan kepada Perdana Menteri dan juga kepada Menteri Perusahaan Utama, tidak usahlah saya sebut

detailnya, tetapi di dalam surat tersebut menerangkan kepincangan yang berlaku di dalam Pejabat RISDA pada hari ini. Apa yang hendak saya sarankan bukanlah saya bersetuju dengan apa yang ada di dalam surat yang tersebut terutama sekali patutlah Menteri yang berkenaan membuat penyiasatan. Saya takut surat terbang ini datangnya daripada mereka yang anti-nasional untuk memburukkan pegawai yang benar-benar jujur di dalam badan yang tersebut. Tetapi andai kata kalau benar sebagaimana yang ada di dalam surat itu, saya harap pihak yang berkenaan tidak lagi menunggu siapakah dia walau Menteri sekalipun, kerana ini adalah pengkhianat kepada seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sambutan rakyat ini memanglah kita minta tetapi banyak perkara yang hendak kita fikirkan, kerana kadangkala pada perlaksanaannya kita minta pihak petani menanam padi dua kali setahun tetapi pada pendapat saya kalau dengan usaha tenaga tulang empat kerat sahaja untuk mengusahakan penanaman padi dua kali setahun tidak akan berhasil. Kalau benar-benar Kerajaan hendakkan menanam padi dua kali setahun, mestilah jentera-jentera dibekalkan kepada petani-petani tersebut, tidak boleh dengan seruan sahaja. Contohnya sukaiah saya menyatakan ini berlaku di kawasan saya. Inilah saya katakan tadi tugas pegawai. Baru-baru persatuan peladang dibuka diadakan pilot project, 9 ekar untuk menanam sekoi, kemudian projek ini tidak ditempatkan. Katakanlah rumah A itu $\frac{1}{4}$ ekar, rumah B $\frac{1}{4}$ ekar, jumlahnya sekali 9 ekar tetapi kerana pegawai yang mengawasi projek ini tidak benar-benar bertanggungjawab hasilnya cuma $\frac{1}{4}$ ekar sahaja yang berjaya. Bila ditanya: Apa macam projek ini? Jawab pegawai yang tersebut; Tidak tahu. Kita tanya apakah sebabnya boleh gagal, dia kata tidak tahu, orang kampung ini malas. Inilah jawabannya. Saya tidak mahu lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini perkara ini berbangkit. Saya minta maaf, ini bukanlah semua pegawai Kerajaan, tetapi ada sebahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa juga menyebut perkara ini tetapi tidak tahu bagaimana perkara ini dapat diatasi. Hari ini kita menjerit-jerit hendak bawa bumiputra duduk hampir pekan, tetapi perlaksanaan proses untuk mengeluarkan tanah bagi tapak

rumah dan sebagainya sehingga 4 tahun. Di negeri saya, Negeri Sembilan, pesertanya sudah diundi, sudah 4 tahun hampir pula pilihanraya yang akan datang mungkin tahun 1979 agak saya atau selepas itu hingga hari ini peserta yang sudah diundi itu ada yang sudah masuk 6 kaki ke bawah belum lagi dapat tanah yang diundi itu diberikan kepadanya. Jadi saya harap walaupun perkara berkenaan dengan tanah ini adalah hak Kerajaan Negeri tetapi kita ada Menteri Kemajuan Tanah, bolehlah juga barangkali Menteri kita ini berunding atau menasihatkan Menteri Besar negeri-negeri supaya memproses tanah ini dengan segera. Janganlah nanti orang yang sudah menerima undi dapat, sudah masuk enam kaki ke bawah, tanah belum lagi diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan tuntutan Laporan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Perkara ini saya pun pening. Saya harap Kerajaan benar-benar bertegas. Saya nampak Kesatuan-kesatuan Sekerja ini bila mereka fikirkan Kerajaan kita ini sedang menghadapi sesuatu maka mereka datangkan pressure. Perkara ini rasa saya patutlah kita bertegas. Kalau patut ditangkap sahaja pemimpin-pemimpin ini. Saya berkata begitu kerana petani yang duduk di kampung saya pendapatannya hari ini pukul rata di antara \$70-\$80. Jadi, kalau kita selalu benar diugut-ugut, rasa saya mereka fikir yang kita ini lemah. Rasa saya berkenaan dengan perkara ini walaupun di dalam Laporan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali ini sudah bocor, mereka yang bakal mendapat perolehan sudah tahu yang mereka akan dapat tunggakan kebelakangan sebanyak \$10,000, \$15,000 dan \$20,000. Ini saya rasa seperti mana yang ditanyakan oleh sahabat saya semalam bahawa rahsia-rahsia Kerajaan bocor. Ini juga satu daripada rahsia Kerajaan yang tidak patut diketahui oleh umum sebelum diisytiharkan. Tetapi malang, dimanakah kesilapannya. Saya fikir mereka, inilah dia orangnya yang dikatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, anti-nasional yang ada di dalam Kerajaan kita. Ini pendapat saya. Orang yang sentiasa mengambil peluang membocorkan rahsia itu, membocorkan ini, inilah dia barangkali yang dinyatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku

Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri kita. Walau bagaimanapun, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam kita menapikan semalam. Ini pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya di dalam penyampaian ucapan Rancangan Malaysia Ketiga tadi nampaknya negeri saya, Negeri Sembilan boleh jadi barangkali termasuk dalam negeri yang maju. Tetapi pada pendapat saya orang di Negeri Sembilan tahu akan hal ini bahawa mereka belum lagi maju. Jadi, saya harap Kerajaan Pusat tidaklah meninggalkan Negeri Sembilan, memberi bimbingan dan bantuan sewajarnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini untuk kebajikan rakyat di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

6.25 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Buku Hijau, Rancangan Malaysia Ketiga ini telah saya baca sedikit sebanyak dan saya ingat apa isi yang ada di dalam buku ini, saya mengerti juga sedikit-sedikit. Saya hendak bercakap panjang sedikit oleh kerana ini mustahak. Mustahaknya perkara ini adalah untuk lima tahun yang akan datang bagaimana keadaan negeri kita. Boleh atau tidak rancangan-rancangan ini kita jalankan. Apa kemuskilan-kemuskilan rakyat. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, berilah saya masa yang lama sedikit apabila saya bercakap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata iaitu Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah satu matlamat kepada negara terutama sekali orang-orang miskin akan mendapat tempat, akan mendapat kemewahan di dalam rancangan ini. Kita tahu kemiskinan ialah pusat segala-galanya. Ini kita sama-sama tahu. Siapa yang mengatakan bahawa tidak ada huru-hara, ini tidak betul. Di dalam negeri kita pada hari ini ada dan kita semua tahu iaitu pengganas-pengganas komunis ada di dalam, di sempadan dan di bawah tanah pun ada pengganas-pengganas komunis dan juga subversive komunis yang bergerak untuk mengambil negeri kita ini.

Kita telah bincangkan perkara ini dari semalam berkenaan dengan subversive kominis ini. Jikalau misalnya Rancangan Malaysia Ketiga ataupun rancangan lima tahun yang akan datang iaitu rancangan keempat, jikalau negeri ini huru-hara, apa rancangan pun tidak akan jadi. Dengan sebab itu jikalau misalnya rancangan ini hendak berjalan dengan licin, keselamatan dalam negeri adalah cukup penting, barulah boleh kita menarik modal luar datang ke negeri kita, barulah pemodal luar berani datang ke negeri ini. Tetapi pada hari ini kita telah mengatakan kepada orang ramai, Menteri-menteri kita telah keluar negeri ke sana-ke-mari, kita telah banyak membelanjakan wang dengan rombongan-rombongan keluar negeri untuk menarik pemodal-pemodal datang ke Malaysia menanam modal, negeri

yang demokratik, negeri yang aman dan negeri yang mewah, tetapi di waktu saya berada di France baru-baru ini bersama-sama dengan Datuk Mansor, peristiwa di Pertang di mana kominis telah menyerang Balai Polis Pertang telah menjadi headline di surat-surat khabar di Eropah. Mereka mengatakan bahawa penganas kominis telah bergerak di selatan negeri Melayu, mereka tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku tetapi Police Station di Pertang, Negeri Sembilan telah diserang.

Tuan (Timbalan) yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Ogos, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang